

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"PARA belia berhak untuk menerima ucapan syabas kerana menyahut cabaran menyertai Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan berskala besar".
- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Belia Ke-14 pada 2 Zulhijjah 1440H / 3 Ogos 2019M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK
5.06

SUBUH
5.16

SYURUK
6.35

DUHA
6.57

ZUHUR
12.35

ASAR
3.54

MAGHRIB
6.34

ISYAK
7.44

TAHUN 65 / BILANGAN 22

19 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادى الآخر 25

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



HENTIKAN keganasan, lindungi kanak-kanak dari penderaan! **Muka 12**



MEMPERKASA pembelajaran Al-Quran **Muka 13**



KUPU SB mantapkan semangat patriotik **Muka 18**



Warisan
KUIH Muih Brunei tradisi masyarakat melayu **Muka 21**

UBD perlu terus lahirkan generasi hebat, berkualiti



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada lawatan tidak berjadual ke Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUNGKU LINK, Selasa, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyifatkan Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Asia.

"UBD pada hemat beta telah pun dikenali sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi terkemuka di Asia. Ia ditubuhkan pada tahun 1985 dengan pengambilan pertama pelajarnya seramai hanya 100 lebih pelajar, kini jumlahnya meningkat dari semasa ke semasa. Beta difahamkan UBD adalah dipandu oleh lima nilai teras iaitu manusia, kepakaran, kebolehan, relevan dan kepimpinan."

Perkara itu ditekankan oleh Kebawah DYMM semasa berkenan mengurniakan titah semasa keberangkatan tidak berjadual ke UBD.

Ke muka 3

Atlet cemerlang terima ganjaran

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Seramai 36 atlet, tujuh orang jurulatih, dua orang penolong jurulatih dan enam Persatuan Sukan Kebangsaan menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) pada majlis penyampaian yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Penerima-penerima tersebut merupakan atlet-atlet dari sukan Polo, Bola Jaring, Wushu, Boling Padang, Pencak Silat dan Karate yang telah berjaya dan meraih pingat di Sukan Asia Tenggara Ke-30 (Sukan SEA) pada 30 November hingga 11 Disember 2019 di Filipina.

Berangkat ke Majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Ke muka 9

Tinjau aktiviti perekonomian MPK

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Program Lawatan Kerja Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ke Daerah Brunei dan Muara tertumpu kepada aktiviti perekonomian Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang dikendalikan oleh beberapa buah Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPK) khususnya MPK Tungku / Katok, MPK Jerudong dan MPK Katimahar.

Lawatan kerja ini adalah kesinambungan lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang telah diadakan pada 3 Februari yang lalu.

Ke muka 11

Bekerjasama perangi AMR

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Petang

ALHAMDULILLAH, saya amat berbesar hati dapat berada di sini pada petang ini pada Majlis Simposium Sempena Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia (WAAW) 2019. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa pengajur kerana menjemput saya untuk merasmikan acara pada hari ini.

Selamat datang khususnya kepada penceramah - penceramah dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Kementerian Kesihatan dan kepada semua peserta simposium ini. Saya yakin bahawa semua peserta pastinya akan mendapat banyak manfaat daripada pengalaman dan pengetahuan berharga yang akan dikongsikan oleh para penceramah dalam program hari ini.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Jawatankuasa Rintangan Antimikroba Negara Brunei Darussalam atas sumbangan mereka terhadap Pelan Tindakan Kebangsaan Rintangan Antimikroba Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Antimicrobial Resistance National Action Plan) serta kepada mereka yang terlibat dalam pembangunan Panduan Amalan Terbaik Kebangsaan untuk Amalan Terbaik Praktik Penetapan Antibiotik (GAPP) dan Infection Control and Risk Assessment Procedures (ICRA) yang kita akan rasmikan pada petang ini. Ini adalah satu lagi pencapaian kita dalam usaha bersepada untuk memerangi Antimicrobial Resistance (AMR).

Alhamdulillah, rakyat negara ini di bawah kepimpinan bijaksana dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menikmati banyak manfaat dan kemakmuran dalam persekitaran yang menepati banyak kriteria yang ditetapkan oleh Liputan Kesihatan Sejagat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang bermaksud pencapaian kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik untuk semua peringkat umur, termasuk akses kepada kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan penting. Ini direalisasikan dengan peningkatan pesat dalam beberapa dekad kebelakangan ini terutamanya dari segi pengembangan perkhidmatan dan keupayaan mengurus dan merawat perubatan dan pembedahan yang kompleks. Penting untuk ini, adalah penggunaan antibiotik yang berkesan sebagai salah satu asas, sebagaimanya, memberi kita kemampuan untuk mencapainya.

Namun malangnya, perkembangan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar ketika berucap pada Majlis Simposium sempena Sambutan Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia 2019 pada Sabtu, 10 Rabiulakhir 1441 Hijrah bersamaan 7 Disember 2019 Masihi di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

pesat dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan perubatan, telah mewujudkan pembangunan AMR. Peningkatan rawatan yang kompleks dan prosedur penyaluran kepada penggunaan dan penyalahgunaan antibiotik dan amalan kawalan jangkitan yang sambil lewa adalah kesemua faktor yang secara sendirian dan lebih teruk lagi, apabila bergabung, ia menghasilkan gabungan kuat yang meletakkan kita dalam keduduan yang membimbangkan, menjadi tidak dapat untuk merawat organisma penahan pelbagai ubat dan keadaan ini serupa dengan era pra-antibiotik.

Apabila kita semakin tidak berupaya melawan kemunculan cepat jangkitan yang kalis pelbagai ubatan dan semakin berkurangnya jumlah antibiotik yang berkesan, ini mengancam satu dogma asas dalam amalan kita sebagai pengamal penjagaan kesihatan, iaitu Melindungi Keselamatan Pesakit.

AMR adalah ancaman global kepada kesihatan awam. Pada masa ini,

sekurang-kurangnya 700,000 orang mati setiap tahun disebabkan oleh penyakit kekebalan tahan ubat, termasuk 230,000 orang daripada tuberkulosis tahan pelbagai ubat. Kematian daripada tahan jangkitan ke antibiotik sama, anti-tular dan anti-parasit boleh meningkat lebih daripada 10 kali ganda kepada 10 juta kematian setiap tahun menjelang tahun 2050. Ini ditekankan dalam Laporan PBB baru-baru ini oleh IACG (Interagency Coordination Group on AMR), 'No Time to Wait : Securing the Future from Drug-Resistant Infections', amaran menjelang 2030, AMR boleh menjerumuskan sehingga 24 juta orang ke kancan kemiskinan yang melampau kerana kesan gabungan AMR terhadap kesihatan manusia serta sistem makanan.

Peningkatan penggunaan antimikroba yang mendorong AMR berlaku sepanjang ekosistem. Dalam kesihatan manusia, semakin meningkatnya kejadian penjagaan kesihatan berhubung kait dengan jangkitan pelbagai jenis jangkitan (HAIs) dan penggunaan antimikrobial yang tidak sesuai di rumah sakit dan penjagaan primer menggalakkan kemunculan rintangan antimikrobial. Dalam kesihatan binatang, penggunaan antimikroba sebagai penggalak dan penghasil pengeluaran memberi insentif penggunaan antimikrobial sebagai penggalak dan menghasilkan pengeluaran memberi insentif penggunaan antimikrobial dalam bidang pertanian dan akuakultur. Tambahan lagi, air sisa daripada perkhidmatan kesihatan dan pertanian meningkatkan pendedahan mikrob kepada antimikrobial. Semua faktor di atas mempromosikan rintangan antimikroba. Hubungan antara manusia, haiwan, makanan dan persekitaran kesihatan perlu difahami bagi menangani kerumitan ancaman AMR.

Pada masa ini, agensi-agensi antarabangsa mewakili kerjasama tiga pihak antara WHO, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Sedunia untuk Kesihatan Binatang (OIE) mempersetujui kerjasama pendekatan 'One-Health' untuk memerangi penyebab AMR dengan berkesan. Berikut dengan cadangan ini, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pada Disember 2018, Jawatankuasa Rintangan Antimikroba Antimikroba Negara Brunei Darussalam atau BDAMRC, jawatankuasa pelbagai sektor yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan dan KSSUP dibentuk yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap kedua-dua kementerian.

Ke muka 11

Dari Sidang Pengarang.

19 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادى الآخر 1441

KEBERKATAN DARI KEMERDEKAAN

TEMA 'Menjayakan Wawasan Negara', Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, terus dikekalkan bagi memfokuskan kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 dengan menekankan pentingnya setiap rakyat dan penduduk serta segenap sektor dalam pembangunan negara memainkan peranan masing-masing serta menggembungkan usaha dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dan berjaya.

Hanya tinggal lima hari sahaja lagi, negara akan menyambut hari kebangsaannya. Segala persiapan sudah dan sedang giat dijalankan dalam memastikan segala perancangan dalam Sambutan Hari Kebangsaan berjalan lancar seperti yang diharapkan. Upacara Menyatakan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam menandakan bermulanya Pengibaran Bendera Negara dan semua rumah kediaman, bangunan jabatan-jabatan kerajaan mahupun premis-premis perniagaan dan sekolah-sekolah dalam sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari kebangsaan negara.

Sebagai sebuah negara yang sentiasa mengharapkan taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala juga keberkatan dalam membangun dan memajukan negara ini, beberapa acara keagamaan akan diadakan termasuk Sembahyang Maghrab dan Isyak Berjemaah juga Bacaan Surah Yaa Siin di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah secara serentak pada Sabtu, 28 Jamadilakhir 1441H bersamaan 22 Februari 2020M, bermula jam 5.45 petang, di Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan sebagai tumpuan utama dalam memohon kesejahteraan, kemakmuran, kemajuan, perpaduan dan kebahagiaan Negara Brunei Darussalam akan kekal di bawah daulat pemerintahan raja yang dikasih.

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, kehidupan kita selepas merdeka telah jauh berubah jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Adapun perubahan besar yang dapat dirasa adalah peningkatan taraf hidup yang lebih baik antaranya menikmati keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal melalui khidmat subsidi dan bantuan bekalan air bersih, tenaga elektrik, kemudahan jalan raya dan seumpamanya; suasana alam sekitar yang bersih dan terpelihara melalui perkhidmatan kebersihan dan penjagaan yang khusus; Menikmati perkhidmatan kesihatan dan perubatan secara percuma dan perkhidmatan pendidikan agama secara percuma dan bermacam-macam lagi kemudahan yang telah disediakan.

Kita panjatkan rasa syukur kerana dikurniakan sebuah negara yang aman, damai, stabil dan harmoni dan berdoa agar negara akan sentiasa kekal sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, negara zikir dan menjadi Baladun Thayyibatun Warabun Ghafur iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun. Di samping sama-sama mensyukuri nikmat tersebut dengan banyak berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

- Ketua Penyunting (Fm).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C / 26 °C	30 °C / 25 °C	31 °C / 25 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C / 26 °C	31 °C / 26 °C	31 °C / 25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C / 26 °C	31 °C / 25 °C	31 °C / 25 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."										
Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	RABU	25	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	KHAMIS	26	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
21	JUMAAT	27	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	SABTU	28	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	AHAD	29	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.44
24	ISNIN	30	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	SELASA	1 REJAB	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | 2380214



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurnikan titah.

Dari muka 1

"Beta melihat matlamat ini sangatlah bagus kerana perwatakan adalah menjadi sukat-sukat kepada status atau kualiti diri yang perwatakan hebat, biasanya kualiti yang hebat inilah yang kita mahukan supaya UBD melahirkan generasi yang perwatakan hebat lagi berkualiti," titah baginda lagi.

Baginda seterusnya bertitah, "kualiti yang kita mahukan bukanlah nama besar tetapi isi dalam manusiawi iaitu beriman, taat, berilmu, amanah dan adil.

Inilah budaya kita kerana itu, kita akan terus mengelak dari terikut-ikut atau menyalin budaya orang lain. Walaupun budaya itu datangnya dari pemilik nama yang besar. Nama yang besar sahaja tidak mencukupi jika dalamnya tidak bagus. Beta mahu UBD menjadi tunjang untuk memelihara identiti, identiti kita adalah MIB."

Kebawah DYMM juga turut menekankan mengenai kepentingan Melayu Islam Beraja (MIB) yang sudah sinonim dengan penduduk tempatan di mana ia menjadi

konsep utama akan perpaduan serta kesejahteraan di negara ini. Selain itu juga, baginda turut menekankan akan kepentingan MIB di peringkat antarabangsa.

"MIB juga mesra kepada dunia di mana kita menghormati siapa sahaja yang menghormati kita," titah baginda.

"Di sini, UBD turut berperanan bagi mempromosi situasi ini melalui perwatakan dan cara hidup yang dijalani olehnya termasuk melalui kerja-kerja sosial dan akademik seperti aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, ceramah-ceramah, tulisan-tulisan, kajian-kajian ilmiah dan seumpamanya. Di antara cara memelihara identiti itu ialah dengan berpegang kuat kepada nilai-nilai luhur agama dan budaya sendiri dengan tidak mudah terpengaruh oleh unsur-unsur luaran khasnya dari sudut cara berfikir dan bertindak," titah baginda lagi.

Sehubungan itu, Kebawah DYMM menyeru supaya semua pihak untuk terus berhati-hati khususnya para cendekiawan untuk tidak mudah terpengaruh.

"Inilah antara cabaran besar untuk dihadapi khasnya di era ini. Di mana pengaruh-pengaruh luar sentiasa 'mengasak' dan

mengapung kita. Semua ini memerlukan kewaspadaan oleh semua pihak khasnya pihak yang memegang cerdik pendidikan," titah baginda.

Di samping itu, Kebawah DYMM turut menyentuh mengenai kepentingan 'beridentiti'.

"Identiti bukanlah untuk disebut-sebut atau dijadikan slogan sahaja tetapi adalah untuk dipakai dalam apa jua bentuk penampilan sama ada penampilan itu bersifat rasmi

atau tidak. Sebagai contoh penampilan rasmi ialah seperti di dalam majlis-majlis konvolesyen sementara penampilan tidak rasmi ialah penampilan-penampilan biasa di dalam mahupun di luar kampus. Kedua-dua penampilan ini, identiti mesti dijaga, baharulah ada bukti kita ini bangsa yang beridentiti, penonjolan identiti bukan kosong tetapi lambang bagi keperibadian bangsa," titah baginda.



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama para pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Prihatin akan kesejahteraan dan kebajikan pelajar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat meninjau dengan lebih dekat UBD.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUNGKU LINK, Selasa, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat meninjau dengan lebih dekat Universiti Brunei Darussalam (UBD) sekali gus membuktikan keprihatinan

baginda terhadap perkembangan pendidikan di negara ini.

Pada keberangkatan lawatan tidak berjadual itu, Kebawah DYMM berkenan berangkat melawat beberapa kemudahan prasarana pembelajaran yang disediakan di UBD. Terdahulu,

keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Mula-mula baginda berkenan melawat Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, UBD yang ditubuhkan pada 1985 dan berperanan penting sebagai sebuah institusi pembelajaran utama dalam melahirkan individu yang cemerlang bagi pembangunan serta perkembangan negara. Turut menjadi perhatian baginda ialah aspek keselamaan para pelajar yang tinggal di asrama.

Sehubungan itu, baginda berkenan meninjau ke asrama pelajar perempuan dan lelaki di mana kebanyakannya dihuni oleh pelajar-pelajar dari UBD, Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Politeknik Brunei (PB) dari luar Daerah Brunei dan Muara. Asrama pelajar perempuan menyediakan 334 bilik yang dihuni hampir 300 pelajar manakala asrama lelaki dihuni oleh 160 pelajar. Antara kemudahan yang terdapat di asrama berkenaan ialah ruang belajar, bilik, dapur, kantin dan sebagainya.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninjau dengan lebih dekat pelbagai kemudahan dan perkembangan UBD (kanan dan kiri).

Dari muka 3

Pada kesempatan itu, Pelita Brunei menemu bual salah seorang pelajar UBD, Awang Azizul bin Hakeem, pelajar

Tahun 2 dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan yang sempat beramah mesra dengan baginda semasa lawatan berkenaan. Jelasnya, beliau amat teruja dan gembira atas keberangkatan baginda ke UBD

itu dan jelas menunjukkan keprihatinan baginda kepada hal ehwal kebajikan pelajar di UBD.

"Lawatan baginda ini amat dinanti-nantikan oleh pelajar UBD dan kami berasa sangat

gembira bertemu dengan Kebawah DYMM," ujarnya.

Selain itu, salah satu perkembangan yang dicapai oleh UBD ialah memperkenalkan program-program baharu dengan kerjasama rakan-rakan strategik

yang diharap dapat dimanfaatkan kelebihan masing-masing dalam sama-sama membangunkan kapasiti.

Ke muka 5



SEPANJANG keberangkatan Kebawah DYMM di UBD, baginda berkenan beramah mesra dan meninjau perkembangan dan kemudahan pembelajaran institusi tinggi tersebut (atas dan kiri).



KEGEMBIRAAN jelas terpancar pada wajah para mahasiswa UBD apabila dapat bersua dengan lebih dekat lagi dengan raja yang dikasihi dan prihatin dengan hal ehwal pelajar di negara ini (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat meninjau dengan lebih dekat lagi beberapa bahagian di UBD (kiri dan kanan).

Dari muka 4

Pada awal tahun lalu, UBD telah menjadi rakan kerjasama dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) untuk mengendalikan kursus maktab turus yang bukan sahaja disertai oleh pegawai ABDB tetapi juga pegawai tentera dari luar negara.

UBD juga terus menjadi salah satu institusi pengajian tinggi terkemuka di Brunei Darussalam.

UBD memasuki Kedudukan Universiti Tinggi Times (THE) dengan kedudukan global dalam kumpulan 401 hingga 500 yang menjadikan UBD sebagai universiti peringkat keempat di

ASEAN dalam salah satu kedudukan universiti yang paling berpengaruh di dunia.

Di samping itu, UBD juga telah menunjukkan peningkatan mantap dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings, di mana UBD berada pada kedudukan 298 dalam edisi terbaharu iaitu 25 tempat daripada 323 tahun lepas dan menduduki kedudukan '86th QS Asian University Ranking' serta menduduki tempat ke-34 dalam kalangan universiti yang ditubuhkan kurang dari 50 tahun yang lalu.

Itu adalah pencapaian yang merupakan hasil usaha kolektif dan berterusan dari sektor akademik dan pentadbiran di universiti serta agensi pembiayaan di luar institusi dalam memastikan pendidikan berkualiti untuk setiap pelajar di universiti.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah daripada para mahasiswa UBD yang teruja dengan keberangkatan lawatan baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra dan bergambar kenangan bersama orang ramai yang membuat lawatan ke UBD dan bersama warga UBD yang lain (atas kiri, kiri, kanan dan bawah kiri dan bawah kanan).



PPDB raikan Puja Usia DPMM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar ramai bersama Pengarah-pengarah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Komiti Mes Pegawai PPDB. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga selaku Komandan Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin

GADONG, Selasa, 18 Februari. - Seluruh Pegawai dan Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) petang tadi menganjurkan Majlis Santap Petang bagi menyembahyang ucapan Selamat Puja Usia kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-46 Tahun.

Berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat sama di majlis yang berlangsung di Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong di sini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga selaku Komandan Polis Wanita dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad

Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid.

Pada majlis tersebut, DYTM dan YTM berkenan beramah mesra bersama pegawai-pegawai kanan dan isteri masing-masing, diikuti dengan menandatangani 'Lembaran Keberangkatan' yang kemudian disusuli dengan sesi bergambar ramai bersama Pengarah-pengarah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Komiti Mes Pegawai PPDB.

Sejurus itu, DYTM dan YTM berserta kerabat diraja dijunjung masuk ke Dewan

Bankuet bagi Majlis Santap Petang yang dimulakan dengan irangan muzik dari Pancaragam PPDB.

Sambutan puja usia DYTM juga turut dimeriahkan lagi dengan majlis memotong kek puja usia dan seterusnya berkenan menerima pesambahan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dan YTM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada suami dan isteri pegawai-pegawai polis serta anggota PPDB.



DULI Yang Teramat Mulia bersama kerabat diraja yang lain semasa berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang di Dewan Bankuet (atas, kiri). Sementara gambar atas, DYTM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sebelum berangkat meninggalkan majlis.



DYTM berkenan memotong kek puja usia (kiri). Sementara gambar atas, antara pegawai dan anggota PPDB yang hadir pada majlis tersebut.

Majlis Santap Petang sempena Hari Puja Usia



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan memotong kek puja usia (kiri). Sementara gambar atas, DYTM berkenan menerima pesambahan yang disembahkan ke hadapan majlis DYTM oleh Pemerintah ABDB.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra dengan para pegawai dan kakitangan ABDB (atas). Sementara gambar bawah, DYTM, YTM dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai dan kakitangan ABDB yang hadir.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan memotong kek puja usia (kiri). Sementara gambar atas, DYTM berkenan menerima pesambahan yang disembahkan ke hadapan majlis DYTM oleh Pemerintah ABDB.

yang dihoskan oleh Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Mengiringi DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba DYTM dan YTM serta kerabat diraja di Mes Pegawai Bolkiah Garison dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Semasa majlis tersebut, DYTM berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan pegawai-pegawai dan kakitangan ABDB; Pasukan Pemantau Antarabangsa (PPA) Ke-15 Negara Brunei Darussalam ke Mindanao, Republik Filipina; anggota-anggota ABDB yang mengikuti Penugasan Misi Pengaman di dalam Malaysian Battalion (MALBATT 850-6) bagi Misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL); pemenang-pemenang pingat dalam kejohanan menembak 26th ASEAN Armies Rifles Meets (AARM) di Bandung, Republik Indonesia bagi tahun 2019; penerima RBAF Commendation Award bagi Kursus Maktab Turus ABDB kesembilan bagi tahun 2019; anggota-anggota yang mendapat keputusan cemerlang semasa mengikuti pengajian di Politeknik Brunei dan IBTE; pemenang-pemenang pingat

semasa Sukan SEA 2019 di Republik Filipina; dan pegawai-pegawai baharu dinautiahkan yang menerima anugerah-anugerah terbaik semasa Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-18, Sekolah Pegawai Kadet ABDB, baru-baru ini.

DYTM kemudiannya berkenan menerima senaskhah buku album gambar bertajuk 'Sejambak Ristaan XIII' yang mengandungi koleksi gambar-gambar kenangan sempena lawatan keberangkatan DYTM ke Kementerian Pertahanan dan ABDB serta diikuti dengan menandatangani lembaran kenangan.

DYTM juga disembahkan dengan kek puja usia dan menerima pesambahan daripada ahli-ahli pegawai ABDB iaitu sebuah lukisan water colour DYTM semasa merasmikan Kejohanan Kemahiran Menembak Antarabangsa Brunei (BISAM) Ke-11.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesukuran dibacakan oleh Ketua Jabatan Agama ABDB, Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, Tentera Laut Diraja Brunei.

Di akhir majlis, DYTM dan YTM serta kerabat diraja yang lain menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis tersebut.



ANTARA pegawai-pegawai ABDB yang hadir meraikan Sambutan Hari Puja Usia DYTM.

YSHHB anjur Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Puja Usia



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Yayasan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk

Anak-Anak Yatim mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-46 Tahun.

Berangkat pada majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menunaikan sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB. Juga hadir, Menteri-Menteri Kabinet.

Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Bertahlil beramai-ramai, seterusnya bacaan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-46 Tahun. Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Hadir pada majlis tersebut Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, serta Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA). Turut hadir, para jemputan khas, antaranya para penyumbang tetap DANA; para pegawai dan kakitangan YSHHB serta Guru-guru Sekolah YSHHB.

DANA merupakan pesambahan berkekalan dalam bentuk yayasan amal yang disembahkan oleh YSHHB bersempena Memperingati Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 bersamaan 10 Ogos 1998. DANA ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429 bersamaan 25 Ogos 1998.



DULI Yang Teramat Mulia sama-sama menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.



ANTARA jemaah lelaki dan wanita yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan YSHHB yang turut hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-46 Tahun (kiri dan kanan).

Atlet cemerlang terima ganjaran



BERANGKAT pada Majlis Penyampaian Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

Dari muka 1

Juga berangkat Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin

Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Jumlah ganjaran kemenangan SPKS yang diterima bagi kejohanan Sukan SEA adalah sebanyak BND76,100.00.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen merupakan antara penerima ganjaran kemenangan SPKS setelah berkenan menyertai Sukan Polo Berpasukan pada Kejohanan Sukan SEA Ke-30, Filipina yang lalu, yang juga berkenan disertai oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal

Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Sementara itu, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah yang mengetuai Pasukan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam juga berkenan menerima ganjaran SPKS pada majlis tersebut.

Sukan Polo telah meraih satu pingat emas bagi acara Division B (0 - 2) dan satu pingat Gangsa bagi acara Division A (4 - 6). Skim ganjaran kemenangan SPKS yang diperoleh oleh para atlet, jurulatih dan Persatuan Polo Diraja Brunei secara keseluruhan pada kejohanan ini adalah sebanyak BND14,700.

Manakala sukan Wushu menerima jumlah keseluruhan ganjaran kemenangan SPKS BND34,700 setelah berjaya meraih satu pingat emas bagi acara Men's Nandao + Men's NanGun, tiga pingat perak bagi acara Women's TaijiQuan, Men's TaijiQuan dan Men's Duillian, dua pingat gangsa bagi acara Men's TaijiJian dan Women's TaijiJian. Sukan Boling Padang telah meraih dua pingat perak bagi acara Women's Pair and Men's Fours and menerima jumlah ganjaran keseluruhan sebanyak BND12,600.

Sukan Bola Jaring pula

menerima ganjaran keseluruhan BND8,400 setelah memperoleh satu pingat gangsa. Sementara Sukan Karatedo turut meraih satu pingat gangsa bagi acara Men's Kumite - 67kg. Skim ganjaran kemenangan SPKS yang diperoleh oleh para atlet, jurulatih dan Persatuan Karatedo Negara Brunei Darussalam pada kejohanan ini adalah secara keseluruhan sebanyak BND2,900.

Sukan Pencak Silat pula meraih satu pingat gangsa bagi acara Tunggal Wanita dan menerima ganjaran kemenangan keseluruhan sebanyak BND2,800. Atlet yang menerima ganjaran kemenangan yang tertinggi merupakan atlet sukan Wushu, iaitu Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan menerima BND10,000 atas kejayaan beliau meraih satu pingat emas bagi acara Men's Nandao + Men's NanGun. Manakala dua orang jurulatih dari sukan Wushu menerima ganjaran kemenangan yang tertinggi iaitu Zhao Chunjie dan Li Hui yang menerima sebanyak BND3,600 setiap seorang.

Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam juga menerima ganjaran kemenangan tertinggi iaitu sebanyak BND34,700. Penyampaian ganjaran kemenangan kepada atlet, jurulatih dan persatuan sukan kebangsaan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu, dalam sembah alu-aluan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan

Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, pencapaian istimewa di Sukan SEA ini amat tinggi nilainya bukan sahaja bagi para atlet dan kontinen bahkan bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

Kebanggaan ini jelasnya, sangatlah dirasakan lebih-lebih lagi dengan penghormatan yang diberikan melalui penghargaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda bersempena Tahun Baharu Masih 2020.

"Pencapaian dan kejayaan yang amat membanggakan telah diraih hasil daripada kepimpinan, sifat pemelulian dan sokongan baginda dan juga BDNC dalam memastikan pengurusan kontinen negara sentiasa terjaga dan pencapaian itu adalah hasil kepercayaan, kegigihan serta semangat para atlet sendiri di samping latihan yang konsisten, disiplin dan profesionalisme yang tinggi serta komitmen dalam sukan masing-masing."

"Penglibatan ahli-ahli kerabat diraja dalam Sukan SEA ini juga telah menyuntik semangat atlet-atlet kitake arah sama-sama mengharumkan nama negara di peringkat serantau dan antarabangsa sehingga mencapai kejayaan yang terbaik di luar negara sejak tahun 1977," ujarnya.

Bagi Kejohanan Sukan SEA Ke-30, Tahun 2019 jelasnya, negara telah berjaya meraih dua pingat emas, lima pingat perak dan enam pingat gangsa. Skim Ganjaran Kemenangan adalah seperti terkandung di dalam Dasar Sukan Negara yang diperkenalkan pada tahun 1991 untuk kemudahan insentif kepada atlet-atlet yang cemerlang.

Menuju kecemerlangan dalam bidang sukan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan SPKS bagi memberikan dorongan kepada para atlet agar mereka sentiasa terus menyumbangkan komitmen mereka kepada negara melalui pencapaian pingat di kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa.

Majlis seumpama ini diadakan adalah untuk memberikan galakkan kepada para atlet bagi mencapai satu-satu tahap kejayaan dalam menjalani latihan secara bersungguh-sungguh agar dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih tinggi di sukan serantau dan antarabangsa, di samping menyampaikan ganjaran berupa wang tunai kepada para atlet yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang sukan masing-masing di peringkat serantau dan antarabangsa.

Skim ganjaran ini juga diberikan kepada jurulatih-jurulatih sukan kerana penglibatan mereka dalam perkembangan dan kemajuan dalam latihan. Semua ini adalah mengikut sepertimana yang termaktub dalam Dasar Sukan Negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima ganjaran kemenangan SPKS setelah berkenan menyertai Sukan Polo Berpasukan pada Kejohanan Sukan SEA Ke-30 di Republik Filipina.



PADUKA-PADUKA anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan bergambar kenangan bersama para atlet negara.

Doa Kesukuran sempena Hari Puja Usia



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyertai warga Hospital PMMPMHAMB Tutong dalam Majlis Doa Kesukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-46 Tahun (kiri dan atas).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 17 Februari. - Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong hari ini mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Hari Puja

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-46 Tahun.

Majlis yang berlangsung di Surau As-Salam, Hospital PMMPMHAMB itu disertai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar. Majlis Doa Kesukuran itu

dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran

sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-46 Tahun yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Hospital PMMPMHAMB Tutong, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji

Tengah.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah, Pegawai-pejawai Kanan Kementerian Kesihatan serta pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

Majlis Doa Kesukuran anjuran JPM

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Bagi merafakkan kesyukuran dan seterusnya memanjatkan doa ke

hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-46 Tahun telah diadakan Majlis Doa Kesukuran bertempat di Masjid Ash Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM, di sini.

Majlis anjuran JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan warganya serta dari jabatan-jabatan di bawahnya hadir pada Majlis Doa Kesukuran bertempat di Masjid Ash Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM.

dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin yang juga membacakan bacaan Doa Kesukuran.

Sementara itu, bacaan tahlil telah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash Shaliheen, Awang Mohammad Syariff Wafiquddin bin Jemain yang juga mengimamkan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Jemputan-jemputan Khas, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Pembangunan dan Timbalan Menteri Pembangunan hadir pada Majlis Doa Kesukuran di Surau Kementerian Pembangunan.

Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hujah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Pegawai-pejawai Kanan, pegawai-pejawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan

Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Penolong Pegawai Projek Tingkat I, Divisyen Penyelaras Polisi dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan, Awang Muhammad Khairul bin Jackariah, yang kemudiannya mengetuai bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran.



Kementerian Pembangunan adakan Majlis Doa Kesukuran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Yang Ke-46 Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan hari ini telah mengadakan Majlis Doa Kesukuran yang diadakan di Surau Kementerian berkenaan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria; Timbalan



ANTARA pegawai-pejawai wanita yang hadir pada majlis tersebut.

Tinjau aktiviti perekonomian MPK



Oleh : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin dan
Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri ketika membuat lawatan ke Taman Lebah Kelulut Mejawa Jerudong (atas kiri). Sementara gambar atas, Yang Berhormat dan rombongan ketika membuat lawatan ke Taman Agri MPK Katimahar.

Dari muka 1

Lawatan Yang Berhormat serta rombongan bermula di Ladang Nanas yang diusahakan secara berkelompok oleh MPK Tungku / Katok.

Ketua Kampung Tungku / Katok, Awang Haji Ismail bin Haji Rajab mengalumkan ketibaan rombongan kementerian yang kemudiannya mendengarkan taklimat mengenai perkembangan produk IKIP MPK Tungku / Katok daripada Ketua Kampung Tungku / Katok.

Awang Haji Ismail dalam taklimatnya menjelaskan ladang nanas yang berkeluasan sebanyak 15 hektar tersebut menyaksikan sebanyak 100,117 anak nanas sudah dieksport keluar negara

Kerjasama NBD - Jepun semakin berkembang



HADIR mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (dua, kiri) dan isteri.

Hentikan keganasan, lindungi kanak-kanak dari penderaan!

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Dunia memang penuh dengan bahaya untuk anak-anak kita, dari saat mereka dilahirkan hingga ketika mereka membesar, melewati zaman kanak-kanak dan apalagi terdebat kepada dunia yang mempunyai banyak ancaman terhadap kesejahteraan mereka.

Bahaya sentiasa ada walaupun ketika mereka berada di dalam rahim ibu mereka, di rumah, di pusat penjagaan kanak-kanak, di sekolah, di pusat rekreasi dan

ditambah lagi dengan peningkatan teknologi, ancaman dari internet dan media sosial.

Demikian yang digarisbawangi oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Majlis Perasmian Kursus Pengenalan 'Safeguarding Children' yang diadakan pagi tadi di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, melindungi kanak-kanak adalah topik yang paling penting dan tugas yang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) semasa hadir pada Majlis Perasmian Kursus Pengenalan 'Safeguarding Children' yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Seramai 30 profesional kesihatan dan 21 pemerhati menghadiri Majlis Perasmian Kursus Pengenalan 'Safeguarding Children' yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, pagi tadi.

Kursus anjuran bersama Pusat Pembangunan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan dan Perkhidmatan Latihan Al Majaz.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji

Md. Isham bin Haji Jaafar. Kursus yang berlangsung selama dua hari itu dikendalikan oleh Perunding Antarabangsa mengenai Hak Kanak-Kanak (Konsultan Pejabat Negara United Nations Fund for Children - UNICEF), Dr Henry Ruiz.

Beliau juga merupakan penceramah bagi sesi plenary yang bertajuk 'Memperkuatkan Pendekatan Disiplin Ke Arah Pencegahan dan Rawatan Berkesan Dalam Menangani Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Negara Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Februari. - Negara Brunei Darussalam telah menyumbang kepada keselamatan tenaga Jepun selama beberapa dekad dengan penghantaran Gas Cecair Asli (LNG) untuk Jepun, dan pada tahun lalu, meraikan Jubli Emas penubuhan Brunei LNG (BLNG).

Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Jepun juga terus berkembang lagi dengan pelancaran Projek Demonstrasi Rantaian Pembekalan Hidrogen Global di negara ini yang telah menghasilkan dan menghantar hidrogen ke Jepun pada November tahun lepas.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Yamamoto Eiji pada Majlis Resepsi sempena Memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Maharaja Jepun ke-60 yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hubungan perdagangan produk

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

pertanian di antara kedua-dua negara juga menurut Tuan Yang Terutama mempunyai potensi besar dan Jepun akan terus menyokong Negara Brunei Darussalam dalam usahanya untuk mempelbagaikan ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan mengembangkan hubungan bermanfaat kepada keduanya (*win-win relations*).

Jelas TYT lagi, pertukaran rakyat dengan rakyat melalui sukan, budaya dan pendidikan adalah asas yang kuat dalam persahabatan antara kedua buah negara seperti melalui program-program untuk para belia iaitu Program Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP); Rangkaian Pertukaran Pelajar dan Belia Jepun-Asia (JENESYS) dan biasiswa.

Hadir mewakili Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan isteri.

Terdahulu majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam diikuti dengan Lagu Kebangsaan Jepun.

Majlis juga diserikan dengan persembahan dari Persekutuan Judo Kebangsaan Brunei Darussalam dan tarian tradisional Jepun "Soran Bushi" dari Brunei Japan Friendship Association Universiti Brunei Darussalam Chapter.

Turut diadakan ialah pameran produk-produk dari beberapa syarikat Jepun yang bertapak di Negara Brunei Darussalam.

keadaan mereka yang tidak dapat dikesan dan tidak dilaporkan.

"Matlamat utama kami adalah untuk menghentikan keganasan sebelum ia bermula dan pencegahan memerlukan pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi keganasan. Empat peringkat Model Ekologi bagi Pencegahan Keganasan yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) membantu kita memahami situasi dan menerangkan punca keganasan yang terhasil daripada empat peringkat interaksi pelbagai faktor iaitu individu, hubungan, masyarakat dan tahap sosial," jelasnya.

Disebabkan faktor interaksi yang kompleks dalam pelbagai peringkat, Yang Berhormat menekankan bahawa melindungi kanak-kanak dari keganasan memerlukan pendekatan Whole of Nation.

Tegasnya lagi, agensi-agensi yang perlu menjalankan peranan tersebut bukan hanya pihak kesihatan, pendidikan dan kebajikan sosial, tetapi juga penguatkuasa undang-undang, Biro Kawalan Narkotik, Mahkamah Syariah, penyedia perkhidmatan Internet, Jabatan

Buruh dan Imigresen termasuk juga Jabatan Perumahan.

Menurut Yang Berhormat, kita semua perlu bekerjasama untuk memastikan bahawa negara kita dan persekitaran di mana anak-anak kita sedang membesar selamat supaya mereka akan mencapai kedewasaan yang sihat, selamat dan dalam keadaan fizikal, psikologi dan sosial yang paling optimum sebagai persiapan mereka untuk mengambil alih dari kita dalam menghadapi masa depan yang tidak menentu.

Yang Berhormat menggalakkan semua orang untuk belajar daripada pakar dan berusaha untuk menerapkan prinsip dan pengetahuan dalam amalan klinikal masing-masing.

Yang Berhormat juga menyeru kepada semua untuk terus memberikan sokongan penuh kepada jawatankuasa khusus dalam Penjagaan Kanak-Kanak bagi membolehkan mereka menjalankan inisiatif yang telah disebutkan dan sudah menjadi kewajipan sebagai profesional kesihatan untuk memastikan hak setiap kanak-kanak mendapat tahap kesihatan terbaik dalam menjalani kehidupan dengan sepenuhnya dan aktif.

Safeguarding Children kenalkan pendekatan perlindungan kanak-kanak

Darussalam'.

Kursus tersebut membolehkan para peserta menghayati dan memahami tanggungjawab mereka dalam melindungi kanak-kanak, di samping mendapatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengenal pasti tanda-tanda amaran dan manifestasi penderaan kanak-kanak dalam memberi tindak balas yang sesuai seperti rakaman tepat dan laporan mandatori, rujukan, tindak balas segera dan sebagainya.

Kursus membincangkan 'Safeguarding Children' dalam konteks peruntukan perlindungan kanak-kanak dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child - CRC) dan Rangka Kerja dan Strategi Perlindungan Kanak-Kanak (Child Protection

Framework and Strategy).

Ia juga akan memberikan gambaran umum tentang perlindungan kanak-kanak dalam pelbagai keadaan, kepentingan kes pelbagai disiplin dalam pengurusan kanak-kanak mangsa penderaan dan keganasan, serta peranan profesional kesihatan dalam pengurusan kes-kes tersebut.

Di penghujung kursus, perbincangan awal akan diadakan bagi membangunkan 'Dasar Perlindungan Kanak-Kanak' untuk kakitangan kesihatan dan kakitangan bukan kesihatan dalam kemudahan kesihatan.

Pihak pengajur berharap, dengan adanya kursus tersebut, semua pihak dapat menghargai kepentingan melindungi kanak-kanak dalam konteks

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Anak (UNCRC) dan Perjanjian Pertubuhan Kerjasama Islam mengenai Hak-hak Anak dalam Islam (OICCRCI) selain membincangkan dan menunjukkan pemahaman konsep dan tujuan 'melindungi kanak-kanak'.

Pada masa yang sama, menyemak dan menganalisis sistem, prosedur dan amalan sedia ada berhubung perlindungan kanak-kanak di hospital / klinik di Brunei Darussalam dan menentukan kewajipan dan tanggungjawab profesional kesihatan dalam melindungi kanak-kanak termasuk langkah-langkah dalam mencegah penderaan kanak-kanak di tempat kerja.

Memperkasa pembelajaran Al-Quran



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Kali Ke-28.



KATOK, Isnin, 17 Februari. - Pembelajaran dan pemahaman mata pelajaran Al-Quran perlulah diperkisas kepada semua murid sekolah ugama dan pelajar-pelajar sekolah menengah dan sekolah Arab sebelum mereka melanjutkan pelajaran ugama ke peringkat yang lebih tinggi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa menyampaikan ucapan di Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun Bagi Sekolah-Sekolah Ugama dan Arab Kali Ke-28.

Tambahnya dengan mempelajari dan memahami Al-Quran, masyarakat Islam akan menjadi masyarakat yang bersatu hati, sentiasa berpegang dengan ajaran

Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap.

"Justeru, Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Di Bawah Umur 10 Tahun ini jelas memperlihatkan usaha dan inisiatif Jabatan Pengajian Islam yang bersungguh-sungguh sebagai salah satu cara dalam memperkasa dan memartabatkan mata pelajaran Al-Quran dan ia adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat pendidikan Al-Quran terus diutamakan di setiap peringkat pembelajaran dan pengajian," jelas Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom.

Jelasnya, melalui dapatan-dapatan daripada skim ini juga akan dapat membantu guru-guru ugama yang ditugaskan untuk mengajar Al-Quran untuk terus berusaha memberikan nilai tambah terhadap kaedah pengajaran mereka iaitu dari sudut pembelajaran dan pengajaran Al-Quran dan seterusnya memahami serta menghayatinya.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada ibu bapa murid-murid yang telah berjaya mengkhatakan pembacaan Al-Quran mereka dengan baik kerana ia adalah merupakan satu pelaburan yang memberikan keuntungan di dunia dan di akhirat.

Sebelum mengakhiri ucapannya,

PARA ibu bapa hadir bagi memberi sokongan kepada anak-anak mereka dalam mempelajari Al-Quran (kiri dan kanan).



TIGA pelajar telah mendapat penilaian tahap cemerlang memperdengarkan bacaan pada Majlis Penyampaian Hadiah Skim Galakan Khatam Al-Quran tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama turut menyeru murid-murid yang turut serta dalam skim berkenaan bersama dengan pihak-pihak yang

berkepentingan untuk terus berusaha mengadakan pelbagai aktiviti inovatif yang berkesan ke arah kemahiran murid-murid dalam bidang Al-Quran.



Peserta Skim Galakan Khatam Al-Quran terima hadiah



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terpilih sebagai sekolah ugama terbaik dalam Skim Galakan Al-Quran tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, antara murid-murid yang menerima hadiah galakkan tersebut.

KATOK, Isnin, 17 Februari. - Seramai 50 orang daripada 178 peserta Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid Berumur 10 Tahun bagi Sekolah-sekolah Ugama dan Arab Kali Ke-28, telah menerima hadiah dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Pada tahun ini, tiga pelajar telah mendapat penilaian tahap

cemerlang iaitu Dayang Nor'Aliah Amanina binti Muhammad Al-Ameen daripada Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkil Hayatul Bolkiah, Serusop dengan mendapat 94 peratus; Awang Mohammad Zawawi bin Awang Mohamad Zul'Izzi daripada Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan mendapat 92 peratus dan Awang Muhammad Syafie' Ilmi bin Haji Nor Eduan daripada Sekolah Ugama

Lambak Kanan mendapat 92 peratus.

Manakala sekolah ugama terbaik dalam skim galakan berkenaan dianugerahkan kepada Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Skim Galakan Al-Quran Di Bawah Umur 10 Tahun bagi Sekolah-sekolah Ugama dan Arab adalah satu program yang diungkayahkan oleh Jabatan Pengajian Islam melalui Bahagian Kokurikulum. Ia diharapkan untuk mempertingkatkan kualiti dan keberkesan pengajaran Al-Quran di Sekolah-sekolah Ugama dan Arab di seluruh negara yang diharap akan dapat melahirkan generasi Brunei yang celik Al-Quran khususnya dalam kalangan pelajar dari peringkat usia muda.

Skim Galakan Khatam Al-Quran ini juga menggalakkan murid-murid untuk mempelajari Al-Quran daripada peringkat usia muda dan seterusnya sebagai dorongan kepada murid-murid supaya mengkhatakan bacaan 30 juz Al-Quran dengan baik sebelum mencapai umur 10 tahun serta menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai amalan berterusan sepanjang hayat.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
17 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 06 / BKTKS / 2020 - T / II

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TANAH SUSUR DI STKRJ, SUNGAI BULOH

NO. PROJEK : (14/19)JKR/BKTKS/
BM 1189

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN :-

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
17 MAC 2020 (SELASA)

TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 08 / BKTKS / 2020 - T / IV

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TANAH SUSUR DI KAWASAN KUBUR SG PANGGA, KG SG KEBUN

NO. PROJEK : JKR/BKT-KB/BM 1677

YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN :-
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III & IV KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
17 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 07 / BKTKS / 2020 - T / III

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TANAH SUSUR DI KAWASAN KUBUR KILANAS

NO. PROJEK : (122/09)

IJKR/BKT-KB/BM 1189

YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN :-
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
17 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 10 / BKTKS / 2020 - T / IV

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH CERUN DI SIMPANG 415-67 DAN SIMPANG 415-73, JALAN WASAI LIMURU RPN TANAH JAMBU

NO. PROJEK :
(12/19) JKR/BKTKS/BM 1189

YURAN TAWARAN :
BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN :-

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN



PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II, III & IV KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
17 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 09 / BKTKS / 2020 - T / III

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH CERUN DI MASJID JEFRI BOLKIAH DAN DI TANAH PERKUBURAN JALAN LINTANG, KG BATONG

NO. PROJEK :
(101/09) JKR-KB/TUT 1189

YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN :-



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA KATEGORI : [KA01]

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
12 MEI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 08 / 2020

NAMA PROJEK :
OPERASI DAN PENYELENGARAAN JAMBATAN PENGHUBUNG DARI DAERAH BRUNEI - MUARA KE TEMBURONG

YURAN TAWARAN :
BND300.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 304 / 2019 / 2020

KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, MINISTRY OF HEALTH

YURAN TAWARAN :
BND30.00

TARIKH TUTUP :



3 MAC 2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / 05 / 2019
SUPPLY 9-SEATER
VAN FOR
RADIO TELEVISION BRUNEI

Bayaran tawaran :
BND10.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 10 Mac 2020
(jam 2.00 Petang)



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : V & VI KATEGORI : B01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
24 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 15 / CQS / 2020 - T / VI

NAMA PROJEK :
MENAICKTARAF DAN PEMBANGUNAN STADIUM NEGARA HASANAL BOLKIAH, BERAKAS - FASA 2




KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN
KK/302/2019/2020/ESTETMOH**

**KETERANGAN
TO SUPPLY AND INSTALL NEW
POLYPROPYLENE EXHAUST FAN
BLOEWR INCLUDING UNPLASTISED
POLY VINYL CHLORIDE (UPVC)
DUCTING, ELBOWS AND BRACKETS
AND FOR THREE (3) EXISTING FUME
HOOD AND TO SUPPLY, INSTALL AND
COMMISSIONING NEW FUME
EXTRACTOR ARM AT TOXICOLOGY,
NEW WING,
DEPARTMENT OF SCIENTIFIC
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN
BND 10.00**

**BILANGAN TAWARAN
KK/303/2019/2020/UPP(TC)**

**KETERANGAN
DOMESTIC WASTE COLLECTION
AND DISPOSAL SERVICES FOR**

**WOMEN AND CHILDREN BLOCK OF
RAJA ISTERI PENGIRAN A
NAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL FOR A PERIOD
OF FIVE (5) YEARS**

**YURAN TAWARAN
BND 30.00**

**TARIKH TUTUP
Selasa, 3 Mac 2020,
Tidak Lewat Jam 2.00 petang**


KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : I & II
KATEGORI : KP12 SAHAJA**

**Tarikh tutup :
26 Februari 2020 (Rabu)**

**Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1010 / 2020**

**Tajuk Projek :
SUPPLY AND INSTALLATION NEW
DRAINAGE AND GRATING
TO ZONE D, AT TAMAN MAHKOTA
JUBLI EMAS**

**Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1010 / 2020**



**Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran**


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2020**

**TAJUK SEBUT HARGA :
“REPAIR WORKS, REPLACE AND
INSTALL OF AIR CONDITIONNING
UNITS INCLUDING NECESSARY
FITTING AT CAPTURE DISHERIES
INDUSTRY DEVELOPMENT
DIVISION BUILDING,
FISH LANDING COMPLEX”**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0016 / 2020**

**TAJUK SEBUT HARGA :
“REPAIR WORKS ON GUARD HOUSE
AND RELATED DRAINAGE
SURROUNDING AREA
AT DEPARTMENT OF FISHERIES
HEADQUARTERS”**

**BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2020**

**TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CHEMICALS AND REAGENTS FOR
WATER QUALITY ANALYSIS**

**TARIKH TUTUP :
Sabtu, 22 Februari 2020,
jam 2.00 Petang**


**JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN MAJLIS-MAJLIS
MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN
JMM/JKSH/Q&T/2020/03**

**TAJUK TAWARAN
SUPPLY, INSTALLATION, TESTING &
COMMISSIONING OF AUDIO SYSTEM
FOR DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS
MESYUARAT NEGARA,
BANGUNAN DEWAN MAJLIS, BRUNEI
DARUSSALAM**

**YURAN TAWARAN :
BND 50.00**

**BILANGAN TAWARAN
JMM/JKSH/Q&T/2020/04**

**TAJUK TAWARAN :
SUPPLY, INSTALLATION, TESTING &
COMMISSIONING OF VISUAL SYSTEM
FOR DEWAN PERSIDANGAN MAJLIS**



**MESYUARAT NEGARA,
BANGUNAN DEWAN MAJLIS, BRUNEI
DARUSSALAM.**

**YURAN TAWARAN :
BND 50.00**

**TARIKH TUTUP :
Selasa, 10 Mac 2020, jam 2.00 petang.**


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 46 / 2019**

**TWO YEARS TERM CONTRACT
FOR THE OPERATIONAL
MAINTENANCE OF ASKAR
SIMPANAN MELAYU DIRAJA
BRUNEI, RIMBA GADONG CAMP**

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**DOKUMEN MINDEF SOR 2019
EDITION
BND500.00 satu set (tidak dikembalikan)**

KELAS : III & KEATAS

**KATEGORI : (M01, E01 & E02) OR
(KA01, B01, S03 or KPB12, KPB05 & S01)
pleas refer to clause 18.0 on pg IT/6 of the
tender document regarding
subcontracting**



**TEMPOH PENYIAPAN :
DUA (2) TAHUN**

**TARIKH TUTUP :
Selasa, 3 Mac 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang**


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

YURAN E -DOKUMEN : -



**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : V & VI
KATEGORI :
B01 SAHAJA - KOD BAHRU**

**TARIKH TUTUP :
10 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 17 / CQS / 2020 - T / V**

**NAMA PROJEK :
DESIGN AND BUILD FOR
PENGUBAHSUAIAN LANTAI DUA
DAN TIGA BLOK E & F KOMPLEKS
YAYASAN SULTAN HAJI HASANAL
BOLKIAH MENJADI WEDDING DAN
EVENT HALL**

NO. PROJEK : -

JAWATAN KOSONG / IKLAN



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.3
(BND 2,270.00 - BND 4,240.00)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND 1,990.00 - BND 2,970.00)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1
(BND 1,280.00 - BND 2,270.00)**

bagi

DAERAH BELAIT

1. Kampung Rancangan Perumahan Negara Lorong Tengah Kawasan 1, Mukim Seria

2. Kampung Sungai Liang, Mukim Liang

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Belait bagi kampung yang tersenari di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

1. Calon Ketua Kampung hendaklah:-

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

(iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibubapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung samada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibubapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan

pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugas nya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisitiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I** dengan tanggagaji PMKK.3, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/ atau Majlis Perundingan Kampung dan/ atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkatan II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja ditahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkatan II.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkatan II.

(xiii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II** dengan tanggagaji PMKK.2, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/ atau Majlis Perundingan Kampung dan/ atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkatan II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai

sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkatan III.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkatan III.

(xiv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III** dengan tanggagaji PMKK.1, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan/ atau Majlis Perundingan Kampung dan/ atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xv) Syarat-syarat lain

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa kesemasa.

TATACARA PENCALONAN KETUA KAMPUNG

(1) Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut:-

(a) i. Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai penyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya;

Atau



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN

**BIL TAWARAN : JPA/1.4/SH2020/001
TAWARAN : FOOD AND BEVERAGES
KIOSK AT PUBLIC SERVICE
DEPARTMENT SIMPANG 156,
JALAN KUMBANG PASANG FOR
A PERIOD ON ONE (1) YEAR
YURAN TAWARAN : BND 10.00**

BIL TAWARAN : JPA/1.4/SH2020/002

TAWARAN : KONTRAK

PEMELIHARAAN DUA (2)

TAHUN BAGI KERJA-KERJA

PEMBERSIHAN DAN

PEMELIHARAAN BANGUNAN

DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

(BANGUNAN LETAK KERETA,

JALANRAYA DAN KAWASAN)

DI SIMPANG 156, BLOK 2D,

JALAN KUMBANG PASANG

YURAN TAWARAN :

BND 10.00

ii. Apabila tidak ada pencalonan atau hanya seorang (1) calon yang dicalonkan melalui proses di Fasal (1)(a) i., ataupun calon-calon yang dikemukakan melalui Fasal (1)(a) i. setelah diperakukan / ditemuduga didapati tidak memenuhi kelayakan yang dikehendaki, maka Pegawai Daerah bolehlah mendapatkan cadangan calon-calon untuk dipertimbangkan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung tersebut daripada Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangi Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

2. Calon, Pencadang Dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Hari Selasa, 6 Syaaban 1441 bersamaan 31 Mac 2020, jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 3334335/336 ext 1115/1127/1185.



TARIKH TUTUP :
**Sabtu, 29 Februari 2020,
sebelum jam 2.00 petang.**

Larangan melakukan an-Najsy dalam jual beli

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

JUAL beli adalah salah satu keperluan setiap individu yang sangat mustahak dalam kehidupan sehariannya. Ini kerana dalam kehidupan masa kini berserta hajat manusia yang pelbagai, seseorang individu itu tidak akan mampu untuk mendapatkan dan mengadakan keseluruhan keperluannya secara bersendirian. Oleh itu, Islam mensyariatkan berjual beli sebagai salah satu cara untuk memenuhi keperluan dan mencari rezeki melalui jalan yang baik dan halal. Kehalalan berjual beli itu adalah menerusi firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "(Padahal) Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba".

(Surah al-Baqarah : 275)
Ayat ini secara umum menjelaskan bahawa setiap jual beli adalah halal, yakni dibolehkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, kita juga perlu menjaga tuntutan-tuntutan syariah dalam perkara jual beli, serta wajib menjauhi perkara-perkara yang boleh mendatangkan dosa. Hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara khusus telah memperincikan lagi beberapa jual beli yang ditegah oleh syarak, antaranya ialah jual beli an-Najsy.

Pengertian An-Najsy dan hukumnya

Perkataan *an-Najsy* adalah berasal daripada bahasa Arab. Dari segi bahasa bermaksud perangsan atau dorongan. Ini kerana ia merangsang atau mendorong ke arah suatu keinginan.

Manakala dari segi istilah syarak pula bermaksud seseorang menaikkan tawaran harga barang yang dipamerkan untuk dijual, bukan kerana bertujuan atau berkeinginan untuk membelinya, tetapi untuk menipu orang lain yang berkeinginan untuk membeli barang tersebut, supaya orang lain dapat membelinya dengan harga yang lebih tinggi.

Maksud 'barang yang dipamerkan untuk dijual' itu ialah barang jualan yang harganya belum ditetapkan oleh penjual, dan harganya akan ditentukan melalui tawaran harga antara penjual dan pembeli sehingga mencapai harga yang dipersetujui oleh syarak. Ia boleh berlaku dalam jual beli lelong dan selainnya.

Kenaikan harga itu berlaku ketika berlakunya sesi tawar-menawar harga antara penjual dan pembeli sebelum ada kata sepakat antara keduanya dan bukan terjadi setelah ada kata sepakat antara keduanya.

Hukum melakukan jual beli *an-Najsy* adalah haram berdasarkan hadis yang

diriwayatkan oleh Ibn 'Umar Radiallahu anhu, bahwasanya beliau telah berkata :

Maksudnya : "Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah melarang daripada melakukan jual beli *an-Najsy*".

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)
Pengharaman jual beli *an-Najsy* ini juga tsabit dengan ijma' dan kesepakatan ulama. Adapun sebab larangannya itu kerana ia merupakan suatu penganiayaan terhadap pembeli dan memberikan kemudaratannya kepada pembeli dengan kenaikan harga tersebut dan kerana ia adalah satu bentuk penipuan yang dilarang dalam Islam.

Al-Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitab beliau az-Zawajir an Iqtiraf al-Kaba'ir telah mengklasifikasi jual beli *an-Najsy* sebagai salah satu dosa besar. Beliau menerangkan bahawa jual beli *an-Najsy* itu menyebabkan kemudaratannya yang besar kepada orang lain. Kemudaratannya yang besar bagi orang lain itu selalunya menjadi penyebab dosa besar. Beliau menerangkan lagi bahawa jual beli *an-Najsy* itu juga adalah daripada bentuk penipuan dan memperdaya orang lain yang juga merupakan antara dosa-dosa besar dalam Islam.

Bagaimana terjadi *an-Najsy* dalam jual beli?

Jual beli *an-Najsy* boleh berlaku dalam tiga keadaan :

1. Dengan pengetahuan penjual dan adanya komplot atau pakatan sulit dengan pihak ketiga.

Sebagai contoh, penjual berkomplot dengan pihak ketiga, yang menyamar sebagai pembeli walhal dia tidak berkeinginan untuk membeli, untuk menawarkan harga yang lebih tinggi ke atas suatu barang jualan bagi menggalakkan pembeli lain untuk membuat tawaran harga yang lebih tinggi daripada apa yang ditawarkan oleh pihak ketiga yang berkomplot itu.

Dalam hal ini, penjual dan pihak ketiga yang berkomplot itu kedua-duanya telah melakukan maksiat dan mendapat dosa disebabkan perbuatan mereka melakukan *an-Najsy* jika mereka mengetahui bahawa perbuatan mereka itu adalah suatu dosa dan maksiat pada pendapat yang muktamad. Namun jika mereka tidak mengetahui bahawa perbuatannya itu adalah dilarang, maka mereka tidaklah berdosa.

Al-Imam asy-Syafi'e Rahimahullah telah berkata :

Ertinya : "Dan barang siapa yang melakukan *an-Najsy* maka dia telah berbuat maksiat dengan perbuatan *an-Najsy* itu jika dia mengetahui tentang larangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (daripada melakukan *an-Najsy* dalam jual beli)".

Akan tetapi berlainan halnya jika

seseorang itu jahil mengenai hukum *an-Najsy* ini namun dia alpa akan kewajipan mempelajari perkara tersebut, maka orang ini juga akan mendapat dosa.

2. Dengan perbuatan pihak ketiga tanpa pengetahuan penjual.

Sebagai contoh, pihak ketiga yang bertindak sendiri tanpa ada pakatan sulit dengan penjual, telah menawarkan harga yang lebih tinggi namun pada hakikatnya dia tidak berkeinginan untuk membeli barang yang ditawarkan harga itu. Akan tetapi ia berbuat demikian atas dasar ingin membalsas dendam supaya barang jualan tersebut akan dijual lebih mahal kepada pembeli lain yang berkeinginan membeli barang jualan tersebut disebabkan wujud pertelingkahan dan permusuhan di antara pihak ketiga itu dan pembeli.

Dalam hal ini, hanya pihak ketiga itu mendapat dosa disebabkan perbuatannya melakukan *an-Najsy*.

Contoh lain lagi, jika pihak ketiga itu menawarkan harga yang lebih tinggi dengan tujuan yang baik seperti ingin menolong memberikan keuntungan kepada penjual atau kerana ingin menolong menjualkan harta anak yatim demi memberikan keuntungan yang lebih kepada anak yatim, namun dia tidak berkeinginan untuk membeli barang jualan tersebut dan tidak juga berniat untuk menipu dan pada masa yang sama ia memudaratkan pembeli lain yang berkeinginan dan berhasrat untuk membeli barang jualan tersebut.

Perbuatan sedemikian meskipun niat dan tujuannya nampak baik pada zahirnya, akan tetapi ia memberikan kemudaratannya dan penganiayaan kepada pembeli lain disebabkan harga yang melambung naik. Oleh itu, ia tetap dilarang kerana mendatangkan kemudaratannya kepada pembeli disebabkan harga barang jualan yang lebih tinggi.

Dalam hal ini, jika dia tidak mengetahui bahawa perbuatannya itu adalah dilarang, maka dia tidaklah berdosa. Namun, jika dia mengetahui bahawa perbuatannya itu adalah dilarang atau mengetahui bahawa ia adalah suatu bentuk *an-Najsy*, maka dia akan mendapat dosa kerana telah melakukan perkara haram.

Begini juga halnya jika pihak ketiga itu melihat tawaran harga seorang pembeli pada suatu barang jualan kurang daripada nilainya yang sebenar, walaupun pada harta anak yatim, lalu dia menawarkan harga yang lebih sehingga harganya itu mencapai nilainya yang sebenar, namun dia tidak berkeinginan untuk membeli barang tersebut dan hanya bertujuan untuk menaikkan harga dan pada masa yang sama pembeli yang berkeinginan untuk membeli barang tersebut terpaksa membayar harga yang lebih tinggi berbanding sebelumnya.

Ia juga dilarang pada pendapat yang *ashah* (lebih tepat) kerana ia juga adalah suatu bentuk penipuan yang boleh mendatangkan kemudaratannya kepada pembeli disebabkan harga barang jualan yang lebih tinggi.


3. Dengan perbuatan penjual itu sendiri dengan cara yang tidak diketahui oleh pembeli.

Sebagai contoh, apabila seorang penjual memuji barang jualannya dengan pujian yang dusta, yang akibatnya dapat menaikkan harga barang jualannya, supaya dapat menarik keinginan pembeli untuk membeli barang tersebut. Al-Imam ar-Ramli Rahimahullah menuliskan kata al-Imam as-Subki Rahimahullah dalam kitab beliau Nihayah al-Muhtaj :

Ertinya : "Dan memuji barang jualan bagi menjadikannya (seseorang itu) berkeinginan kepadanya (barang jualan yang dipuji) dengan (pujian) dusta, (maka ia adalah sama) seperti *an-Najsy*".

Dalam hal ini, penjual itu mendapat dosa disebabkan perbuatannya melakukan *an-Najsy* dan penipuan.

Adakah Sah Jual Beli Yang Terjadi Dengan Berlakunya *An-Najsy* Itu?



IRSYAD HUKUM

جایز مقیم کارگان
Jawatankuasa Kekurangan
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Jual beli *an-Najsy* ini diklasifikasikan oleh ulama fiqh sebagai jual beli yang dilarang, namun transaksi yang berlaku padanya *an-Najsy* tidak dihukumkan sebagai tidak sah. Oleh itu, jika suatu jual beli yang berlaku padanya *an-Najsy* itu telah dilaksanakan, iaitu pembeli telah membayar harga bagi suatu barang jualan yang telah ditawarkan, maka jual beli itu adalah sah, namun perbuatan *an-Najsy* itu tetap haram dan pelaku *an-Najsy* berdosa dengan perbuatannya itu.

Ini adalah kerana larangan melakukan *an-Najsy* itu bukanlah ditujukan kepada transaksi itu sendiri, bahkan ia ditujukan kepada pelakunya, seperti sahnya jual beli yang berlaku ketika sembahyang Jumaat.

Adakah sabit khiyar bagi si pembeli?

Khiyar bermaksud pilihan, iaitu menuntut yang terbaik daripada dua perkara, sama ada ingin meneruskan transaksinya atau membatalkannya.

Apabila *an-Najsy* telah berlaku dalam jual beli, maka tidak sabit khiyar bagi pembeli pada pendapat yang *ashah* dalam ketiga-tiga keadaan yang telah diterangkan. Ini adalah kerana pembeli telah berlebih-lebih dalam perbelanjaannya dan tidak membuat sebarang penyelidikan atau pertanyaan kepada pakar yang berpengalaman dalam penentuan harga barang.

Dengan kata lain, jika suatu transaksi yang berlaku padanya *an-Najsy* itu telah disempurnakan dengan berlakunya pembayaran dan penyerahan barang, maka pembeli tidak lagi mempunyai kuasa atau hak tuntutan untuk membatalkan transaksi itu kerana transaksi jual beli itu sudahpun berlaku dan hukumnya sah menurut syarak.

Hikmah larangan melakukan *an-Najsy* dalam jual beli

Antara hikmah larangan dan pengharaman melakukan *an-Najsy* dalam jual beli serta larangan-larangan yang lain, perbuatan tersebut boleh menjatuhkan kehormatan diri seseorang, melahirkan rasa cemburu di dalam hati, menanam sifat permusuhan antara manusia, mendorong perkelahian dan rasa dendam serta menyebabkan kekacauan dalam sesebuah masyarakat disebabkan terputusnya tali silaturahim dan persaudaraan. Kesemuanya itu bertentangan dengan tujuan dan ajaran Islam yang ingin memelihara dan menjaga keharmonian sesebuah masyarakat dan mengukuhkan tali persaudaraan antara manusia serta memperbaiki segala perhubungan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, jual beli *an-Najsy* adalah haram dan dilarang dalam Islam kerana ia adalah suatu penganiayaan dan kemudaratannya terhadap orang lain. Walaupun begitu, jual beli yang berlaku padanya *an-Najsy* itu tetap sah dan tidak sabit khiyar bagi pembeli menurut pendapat yang *ashah*.

Sifat kejujuran dalam perniagaan wajib dimiliki oleh setiap peniaga agar keberkatan dalam perniagaan itu dapat dikehendaki. Manakala pembeli pula hendaklah sentiasa mengamalkan sifat berpada-pada dalam perbelanjaan mereka agar dapat mengelak daripada pemborosan dan pembaziran yang tidak diingini.

'ANTARA hikmah larangan dan pengharaman melakukan *an-Najsy* dalam jual beli serta larangan-larangan yang lain, perbuatan tersebut boleh menjatuhkan kehormatan diri seseorang, melahirkan rasa cemburu di dalam hati, menanam sifat permusuhan antara manusia, mendorong perkelahian dan rasa dendam serta menyebabkan kekacauan dalam sesebuah masyarakat disebabkan terputusnya tali silaturahim dan persaudaraan. Kesemuanya itu bertentangan dengan tujuan dan ajaran Islam yang ingin memelihara dan menjaga keharmonian sesebuah masyarakat dan mengukuhkan tali persaudaraan antara manusia serta memperbaiki segala perhubungan'.

KUPU SB mantapkan semangat patriotik mahasiswa



PENYERAHAN Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Sebagai salah sebuah institusi perguruan agama yang unggul di Negara Brunei Darussalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) tidak ketinggalan untuk terus memantapkan semangat patriotik para mahasiswa kolej berkenaan sempena menjelangnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada 23 Februari ini.

Bagi sama-sama membarigakan sambutan berkenaan, kolej tersebut turut mengadakan Upacara Menaikkan Bendera

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di hadapan Bangunan Pentadbiran, KUPU SB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam upacara ini ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Besar.

Terdahulu, upacara dimulakan dengan bacaan Asma 'ul-Husna dan surah Al-Fatiyah oleh Ketua Exco Keugamaan dan Takmir Surau 2019/2020, Ahmad Naufal Azizi bin Norisham.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyerahan Bendera



SUASANA Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di hadapan Bangunan Pentadbiran, KUPU SB.

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB dan disusuli dengan upacara menaikkan bendera, nyanjian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan laungan 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis.

Sementara Doa 'Allah Peliharakan Sultan' dibacakan oleh Penolong 1 Exco Keugamaan dan Takmir Surau 2019 / 2020, Sodiqueen Masan.

Aktiviti tersebut bertujuan untuk menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36, di samping memohon keselamatan, kesejahteraan serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'alā agar negara ini sentiasa aman damai, makmur dan sejahtera.

Pasukan Bulan Sabit Merah, Pandu Puteri dan mahasiswa KUPU SB.

Majlis turut menyaksikan upacara perbarisan lalu yang terdiri daripada Pembawa Bendera Besar, Majlis Perwakilan Pelajar, pasukan beruniform termasuk Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Pasukan Kadet Bomba, Pasukan Pengakap,

Menjaga hubungan kekeluargaan

منجو كريضاءن الله
 MENUJU KEREDAAN ALLAH
 كل لأن قوسة دعوه اسلاميه

AL-QURAN memberikan panduan yang tepat bagaimana menjaga hubungan kekeluargaan yang selamat daripada sebarang permusuhan, pertelingkahan dan penganiayaan. Firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah ar-Ruum, ayat 21 yang tafsirnya :

"Dari antara tanda-tanda kekuasaan-Nya bahawa Dia menciptakan bagi kamu isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu cenderung dan berasa senang kepadanya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan rahmat (belas kasihan). Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang (mahu) berfikir".

Ayat Al-Quran ini menggariskan panduan dalam melayari kehidupan sebagai suami isteri. Dalam sebuah perkahwinan perlu ada ikatan kasih sayang antara suami dan isteri supaya hubungan itu dapat berkekalan.

Isteri merupakan anugerah yang Allah kurniakan kepada para suami dan wajib ke atas suami untuk memberikan kasih sayang dan memenuhi keperluannya menurut kemampuannya. Begitu juga isteri wajib mensyukuri suami yang dianugerahkan kepadanya dengan menyayangi dan mentaatinya. Islam memberi penekanan kepada konsep saling

berkasih sayang antara suami isteri.

Antara hikmah daripada pensyariatan kasih sayang antara suami dan isteri ini adalah menjauhkan pada suami daripada melakukan sebarang kekerasan terhadap isteri. Suami dan isteri mestilah mewujudkan rasa hormat-menghormati sesama mereka, rasa tanggungjawab dan belas ihsan bagi menyumbang ke arah perkahwinan yang bahagia kerana kasih sayang dan kesefahaman itu adalah ramuan yang paling penting dalam kerukunan dan keharmonian rumah tangga.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah contoh yang terbaik dalam menjaga hubungan baik suami isteri. Baginda pernah menyuruh para suami supaya berbuat baik terhadap isteri-isteri mereka sebagaimana baginda sendiri berbuat baik terhadap isteri-isteri Baginda. Ini ditekankan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibu Majah daripada Ibu 'Abbas Radiallahuanhu katanya bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik terhadap isterinya dan saya adalah orang yang paling baik terhadap isteri saya".

Al-Quran menyeru agar semua golongan manusia menjaga ikatan silaturahim sesama manusia terutama sekali hubungan silaturahim sesama ahli keluarga. Perkara ini ada disebut dalam firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah an-Nisaa', ayat 1 yang tafsirnya :

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam 'alaikhissalam), Dia (Allah Subhanahu

Wata'alā) menciptakan daripadanya pasangannya (Hawa), Dia (Allah Subhanahu Wata'alā) mengembangiakkan daripada keduanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (memerhati) kamu".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah memberi amaran terhadap orang yang memutuskan hubungan silaturahim melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Khubair bin Muth'im katanya dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tiada akan masuk syurga orang yang memutuskan tali silaturahim".

Agama Islam mewajibkan umatnya untuk menjaga tali silaturahim sebaiknya terutama hubungan sesama keluarga dan melarang umatnya memutuskan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Apatah lagi jika hubungan tersebut melibatkan hubungan dalam satu keluarga. Islam juga melarang umatnya untuk memutuskan tali silaturahim antara ahli keluarga yang

berbeza agama. Hubungan baik wajib diteruskan dengan tidak menyakiti mana-mana perkara yang dirasakan perlu.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu kataranya bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Kenalilah keturunan daripada kaum kerabat kamu yang dengannya dapat menyatakan hubungan kekeluargaan kamu, kerana sesungguhnya menjalin ikatan silaturrahim itu menguatkan ikatan kasih sayang dalam keluarga, meluaskan rezeki dan memanjangkan umur".

Jalinan silaturahim akan melahirkan rasa kasih sayang yang harmoni sesama keluarga dan boleh mewujudkan sikap bantu membantu sesama mereka selain itu menguatkan lagi hubungan kekeluargaan.

Perhubungan yang baik antara ahli keluarga ini perlu dilakukan secara berterusan kerana ia merupakan satu kewajipan yang mesti dilaksanakan selari dengan amalan-amalan lain yang ditutut. Memutuskan tali silaturahim merupakan satu dosa. Usaha menjalinkan silaturahim memberikan banyak manfaat, bukan hanya di dunia tetapi juga mendapat ganjaran pahala di akhirat.

'AGAMA Islam mewajibkan umatnya untuk menjaga tali silaturahim sebaiknya terutama hubungan sesama keluarga dan melarang umatnya memutuskan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Apatah lagi jika hubungan tersebut melibatkan hubungan dalam satu keluarga. Islam juga melarang umatnya untuk memutuskan tali silaturahim antara ahli keluarga yang berbeza agama. Hubungan baik wajib diteruskan dengan tidak menyakiti mana-mana perkara yang dirasakan perlu.'



Suhu melampau jejas kesihatan, aktiviti sehari-hari

KESAN fenomena kemarau terhadap persekitaran fizikal dan manusia telah diperkatakan dalam media cetak dan media elektronik semenjak bertahun lamanya. Ada juga dijelaskan bagaimana kesan kemarau dan suhu panas terhadap persekitaran fizikal manusia akan menjadikan produktiviti. Kemarau ini lazimnya akan juga menyebabkan persekitaran fizikal menjadi panas. Kemudian perkara ini disusuli dengan pembakaran hutan kering terutama di kawasan hutan tanah gambut dan juga adanya pembakaran terbuka. Apa Pendapat Biskita kali ini membawa beberapa pendapat daripada orang ramai mengenai bahayannya kemarau kepada alam sekitar dan juga manusia.

"Kebakaran berlaku akibat kemarau menggalakkan pembentukan jerebu. Kemarau turut menjadikan ekosistem aquatik seperti di kawasan paya, kawasan tasik dan kolam. Kemarau yang terus berpanjangan turut menyebabkan fenomena pengurunan di kawasan tropika menjadi kering dan ia mudah terbakar. Ada sesetengah individu menganggap membakar itu suatu kesukaan tetapi akibatnya amat teruk jika lewat dikawal. Di negara luar contohnya Somalia, Ethiopia dan Chad serta beberapa kawasan lain dilaporkan jumlah pengeluaran hasil pertanian amat sedikit untuk menampung jumlah keperluan makanan penduduk negara tersebut kerana disebabkan faktor kemarau dan seterusnya membawa kepada keskes kebuluran yang tinggi."

"Kita di Negara Brunei Darussalam amat bersyukur kerana walaupun menghadapi cuaca kemarau dan suhu sedikit tinggi masih boleh bertahan. Menurut Laporan Panel Perubahan Iklim Antara Kerajaan (IPCC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), perubahan iklim ialah sesuatu kejadian yang tidak dapat disangkal lagi dan ia berlaku akibat kegiatan manusia membebaskan gas rumah hijau ke atmosfera menyebabkan suhu udara meningkat. Peningkatan kepekatan gas rumah hijau terutama karbon dioksida, metana dan nitrus oksida di atmosfera terutama daripada pembakaran bahan api fosil seperti petrol, diesel, arang batu dan kegiatan guna tanah, memerangkap haba dan menyebabkan peningkatan suhu dan fenomena pemanasan global yang telah membawa pelbagai impak negatif kepada kehidupan manusia masa kini."

"Perubahan iklim membawa pelbagai impak kepada kesejahteraan penduduk, alam sekitar dan pelbagai ekosistem serta ekonomi. Dengan suhu yang meningkat, banjir dan kemarau yang semakin kerap, keupayaan negara mengeluarkan makanan mungkin akan terjejas. Keadaan suhu yang meningkat sudah pasti memberi impak besar kepada hidupan iaitu manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan."

"Oleh itu, masyarakat harus mengambil berat dan prihatin dalam menghadapi keadaan cuaca sebegini. Pentingnya sebagai langkah berjaga-jaga, membuat persediaan dan penyesuaian dalam menghadapi gelombang haba panas ini". - **Fadzil HR, Gadong.**

"Maklumat berkaitan perubahan cuaca dan gelombang haba seharusnya sentiasa diambil berat dan penting kepada masyarakat, terutama bagi mereka yang terbabit dengan aktiviti di bawah cahaya matahari seperti nelayan, petani dan mengurangkan aktiviti di luar bagi mengelakkan fenomena cuaca panas melampau. Masyarakat harus peka perubahan suhu dan perlu bersiap sedia untuk menghadapi suhu melampau. Akan ada hari-hari berlakunya hujan lebat, ada hari yang sangat panas dan kering dan daripada waktu siang hingga malam mengalami suhu panas."

"Dalam sesetengah kes, kita mungkin mendapati diri berada dalam persekitaran suhu yang melampau. Adalah penting untuk mengetahui maklumat ini kerana suhu yang meningkat akan memberi kesan terhadap kesihatan dan aktiviti penduduk. Bahkan, masyarakat perlu membuat persediaan menghadapi fenomena cuaca panas dan kering yang melampau. Keadaan ini memerlukan pihak berkuasa dan masyarakat 'bersiap siaga' dalam menghadapi situasi bencana peningkatan suhu, hujan lebat serta banjir monsun atau banjir kilat. Selain itu, kejadian jerebu juga akan mudah berlaku apabila suhu harian mencatat kepanasan yang melampau. Dengan ini juga akan turut menyebabkan kualiti udara terjejas". - **Baizura Bahar, Kiulap.**

Bagi pandangan saya selaku penulis ruangan ini, sikap 'endah' dalam kalangan masyarakat menghadapi situasi panas melampau ini akan banyak membantu diri mereka, keluarga dan masyarakat sekitar dalam mendeplani perkara ini. Suhu harian yang panas melampau bukan sahaja membahayakan kesihatan dan ancaman terhadap tumbuhan dan haiwan bahkan akan mengganggu kelancaran aktiviti manusia.

Justeru, pentingnya masyarakat mengambil endah akan hal ini kerana dalam keadaan suhu melampau, panas dan kering serta tidak berlakunya hujan dalam tempoh masa tertentu, akan memberi kesan terhadap sumber bekalan air. Sungai, tasik dan empangan akan mengering. Catuan air akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa sebagai langkah pengurusan air kepada masyarakat.

Oleh itu, masyarakat perlu mengamalkan langkah berjimat cermat dan elakkan pembaziran air. Apabila air sungai, tasik dan kolam mulai mengering, ia akan memberi kesan kepada hidupan yang bergantung kepada air secara sepenuhnya.

Pembakaran secara terbuka juga akan mengundang kepada jerebu dan pencemaran udara jika langkah berjaga-jaga tidak dijalankan. Masyarakat yang prihatin dan sedar akan kesan pembakaran terbuka akan mengelakkan daripada melakukan perbuatan ini kerana dikhawatir akan lebih meningkatkan suhu, menyebabkan pencemaran udara dan jerebu di kawasan penempatan mereka.

Natijahnya, kesedaran masyarakat sangat penting kerana majoriti pencemaran alam sekitar berlaku, disebabkan masyarakat tidak mengambil endah, tidak peduli dan kurang kesedaran terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Warisan Budaya Dilupa Jangan
- ii. Kebaikan dan Keburukan Kafe Siber



palak-palak bermaksud

1 belum terlelap atau belum tidur lagi.

Contoh pemakaian kata : dinaindungkan pun lakat jua **palak-palak** matanya anak ani, nada mau tidur.

2 melihat sahaja orang makan dan sebagainya, tetapi dirinya tidak mendapat bahagian.

Contoh pemakaian kata : Siti inda kana bari, kawan-kawannya samua ampit makan, **palak-palak** tah ganya Siti maliat bisdurang makan.

3 ada atau terletak di depan mata, tetapi tidak nampak tentang sesuatu yang dicari.

Contoh pemakaian kata : ani nah **palak-palak**, dari antadi ku baunjar jahamku ani dada kutaliat.

pangling bermaksud lengah, lalai, atau alpa terhadap tanggungjawab, seperti ketika mengawasi kanak-kanak bermain atau ketika berpergian.

Contoh pemakaian kata : Wang, mun kan ka luar nigari atu, jangan luan **pangling** mata, anak-anakmu atau liat-liat jua.

pambuan bermaksud terlalu, teramat, atau terlampau suka akan sesuatu sehingga sanggup berkorban untuk mendapatkannya.

Contoh pemakaian kata : Si Nasir ani luan **pambuan** kan mambali matuka atu, dibalinya saja tia waimapun mahal.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG BATU APOI



Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

AMPAP LAUK RUMAHAN BINI

BAHAN-BAHANNYA :

10 ekor Lauk Rumahan Bini
3 biji bawang merah
Asam jawa secukupnya
Lada secukupnya

Garam secukupnya

CARA MEMBUATNYA :

Masukkan garam, asam jawa, lada dan bawang merah ke

dalam periuk. Kemudian masukkan ikan dan sedikit air gaul rata kesemua bahan-bahan tadi. Selepas itu, masak ikan tersebut kira-kira 20 minit atau sehingga ikan tersebut masak.

Pupuk semangat patriotisme warga UBD



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyerahkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk dinaikkan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUNGKU LINK, Isnin, 17 Februari. - Majlis Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Ke-36, Tahun 2020 bagi Universiti Brunei Darussalam (UBD) diadakan di hadapan Bangunan Dewan Canselor universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Acara didahului dengan perbarisan lalu oleh Platan Kadet

Tentera UBD yang membawa bendera-bendera Kebangsaan NBD dan diikuti dengan bacaan doa dan seterusnya penyerahan bendera Kebangsaan Negara oleh tetamu kehormat majlis kepada Ahli-ahli Platan Kadet Tentera UBD bagi acara penaikan bendera yang diiringi dengan nyanyian lagu kebangsaan negara 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara dan Berkibarlah Bendera' secara beramai-ramai yang diketuai oleh

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar UBD dan Kelab Koir UBD.

Acara tahunan ini diungkayahkan oleh Hal Ehwal Pelajar UBD yang bertujuan untuk menanamkan rasa kecintaan terhadap tanah air iaitu NBD dan memupuk semangat patriotisme, terutama dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi UBD yang merupakan sebagai aset negara.

Majlis ini juga bertujuan bagi mendukung hasrat murni dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam pembangunan dan kesejahteraan negara, sebagaimana yang dipegang di dalam Wawasan Negara 2035, dan selaras dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu 'Menjaya Wawasan Negara'.



BENDERA Kebangsaan negara dinaikkan oleh pasukan Platan Kadet Tentera UBD.



Sektor pertanian, perikanan penting tingkatkan ekonomi

SEKTOR pertanian dan perikanan merupakan dua sektor yang penting yang mendapat tumpuan dalam perdagangan dunia kerana sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk di dunia.

Golongan mahasiswa dan mahasiswi mestilah berminat mempelajari dan menceburi bidang pertanian. Pelajar yang mengambil jurusan sains boleh menggabungkan bidang sains dan pertanian untuk menghasilkan satu bidang pertanian yang lebih moden iaitu bioteknologi, supaya sektor ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Hal ini dapat membantu meningkatkan pendapatan negara dan secara tidak langsung dapat membantu ekonomi

negara kita.

Seterusnya, strategi pemasaran untuk memperkenalkan jentera-jentera pertanian, bahan pertanian, bahan organik serta benih-benih yang telah diinovasikan untuk menghasilkan pokok yang bervariasi contohnya orkid. Dengan adanya pameran seperti ini Brunei dapat menarik perhatian sektor pertanian luar negara untuk bersama-sama memajukan bidang pertanian.

Pertanian juga boleh dilakukan untuk memasarkan sesuatu produk yang lebih lama ke pasaran antarabangsa. Contohnya, buah pisang ialah buah yang cepat busuk dan tidak tahan lama. Hal ini dapat diatasi dengan menghasilkan makanan segera seperti kerepek pisang yang

bukan sahaja mempunyai tempoh pasaran yang lebih lama tetapi juga harga yang tinggi.

Selain itu, sektor perikanan juga akan dapat memajukan kegiatan pasar tani dan perniagaan lain yang berhampiran. Hal ini kerana, hasil perikanan kebanyakannya akan dijual di pasar borong atau pasar tani selain peraih yang datang untuk membeli hasil tangkapan. Perkembangan sektor perniagaan ini akan dapat membantu penduduk setempat untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

Dengan gabungan program pertanian dan perikanan, juga kerja sama dengan mahasiswa dan mahasiswi dapat melakukan penanaman dan penyuluhan

mangrove. Kegiatan ini memberikan kembali manfaatnya bagi masyarakat. Lantaran fungsi mangrove sangat besar manfaatnya. Di antaranya sebagai tempat berkembang biak pelbagai jenis ikan, tempat mencari makan, dan tempat memancing.

Kesimpulannya, manusia bertanggungjawab terhadap sumber alam pertanian dan perikanan sebagai pemegang amanah pengurusan dan pentadbiran serta penjana kepada penambahbaikan kemandirian alam. Oleh itu, marilah kita sama-sama menjaga sumber alam kerana ia penting dalam kehidupan dan sistem ekonomi manusia.

Nama : Azrin bin Fauzi
No. K/P : 01-073484 (K)

MINDA PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja' Tarikh Tutup : 19 Februari 2020
- 'Amalkan Budaya Kitar Semula' Tarikh Tutup : 26 Februari 2020
- 'Pusat Belia Bandar Seri Begawan' Tarikh Tutup : 4 Mac 2020

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kita

Kuih Muah Brunei tradisi masyarakat melayu

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Dayang Jumaini
Haji Abu Bakar

jenis-jenis kuih, dan malah pembuatan kuih muah tradisi tempatan.

Warisan kali ini ingin mengetengahkan tentang kuih Bahulu dan Sapit.

Kuih Bahulu dan Sapit adalah sejenis makanan kering yang sudah tidak asing di negara ini dan banyak terjual di gedung-gedung perniagaan, mahupun ditempat daripada individu tertentu yang sudah lama berkecimpung dan mahir dalam penghasilan kuih muah tradisi.

Tekstur dan corak kuih Bahulu dihasilkan dari sejenis calak khas yang disebut 'Calak Kuih Bahulu' yang diperbuat daripada tembaga, ia mempunyai pelbagai bentuk corak acuan yang digunakan untuk memasak kuih Bahulu, dan alat tersebut merupakan peralatan tradisional masyarakat Brunei yang masih digunakan sehingga ke hari ini.

Manakala bagi pembuatan kuih Sapit pula, acuan Sapit diperbuat daripada logam yang berbentuk bulat yang dihubungkan dengan besi yang mempunyai tangkai panjang. Acuan ini digunakan untuk membuat kuih Sapit dan ukiran yang terdapat di acuan tersebut melambangkan bunga, binatang dan lain-lain.

Dalam tinjauan wakil Pelita Brunei ke Jalan Singa Menteri, Kuala Belait bertemu dengan Dayang Jumaini binti Haji Abu Bakar, 62, jelas memperlihatkan kredibiliti beliau sebagai seorang yang mahir dan lama berkecimpung dalam pembuatan kuih muah melayu kitani.

Beliau sudah lama membuat kuih Sapit (sekarang menggunakan kaedah moden) dan Bahulu sejak puluhan tahun dahulu ketika anak-anak beliau masih kecil lagi, yang mana pengalaman membuat kuih muah tersebut diperoleh dari nenek beliau



dan seterusnya beliau turunkan ilmu dan pengetahuan pembuatan kuih muah tradisi ini kepada anak-anak beliau sendiri.

"Alhamdulillah menerusi pembuatan kuih muah ini telah sedikit sebanyak dapat menjana pendapatan dan dari hasilnya juga saya sudah pernah menuaikan umrah, namun dalam berurus niaga kita perlu jujur dan amanah agar tidak hilang kepercayaan pelanggan terhadap diri kita," ujarnya.

Justeru kita sebagai anak jati Melayu perlu tahu akan kewujudan kuih muah masyarakat tempatan kita, malah perlu ada usaha sewajarnya untuk mengetengahkan dan mengembangkan serta mempromosikan lagi kuih muah tradisi ini ke mata dunia dan masyarakat luar agar ia terus kekal wujud, tidak pupus dan dapat dinikmati dari satu generasi ke satuh generasi yang mendatang.



KUIH muah tradisi Brunei sudah lama bertapak dan kebanyakannya dihasilkan dengan pelbagai corak dan bentuk, dan rata-rata terdapat dalam

dua jenis iaitu makanan basah dan kering.

Namun apa yang menyediakan ketika ini banyak dalam kalangan muda beliau kitani tidak kenal dan tidak tahu mengenai



Oleh : Norliah Md. Zain, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Foto : Hamzah Mohiddin

Musk Melon tembusi pasaran antarabangsa



ATAS kegigihan tiga belia pelbagai latar belakang kelulusan berjaya membuka sebuah syarikat perladangan pertanian yang mengusahakan tanaman buah Musk Melon hingga ke pasaran eksport dengan hasil jualan mencecah nilai sekitar BND140 ribu kurang daripada tempoh masa dua tahun perusahaan ini ditubuhkan, iaitu pada Januari 2018.

Syarikat Gropoint Sdn. Bhd., sebuah syarikat usaha sama di antara pengusaha tempatan dengan pelabur asing dari Malaysia dimiliki oleh pengusaha muda Eileen Lee Hui Shi. Syarikat ini turut diusahakan bersama Willy Lee Wei Sheng dan Foo Gwen Tong.

Foo Gwen Tong pengusaha tempatan yang juga selaku Pengurus Operasi Gropoint, menceritakan keinginan mereka untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian ini bermula adalah kerana syarikat ini ditawarkan tapak berkeluasan 5 hektar yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Kampung Tungku bagi menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan tidak bermusim menggunakan sistem fertigasi dalam rumah terlindung (*greenhouse*). Produk utama syarikat ini katanya, ialah Japanese Premium Musk Melon atau lebih dikenali sebagai Melts Muskmelon yang ditanam dengan menggunakan benih yang berkualiti tinggi dari Jepun.

Menurutnya lagi, apabila perusahaan syarikat ini telah menunjukkan perkembangan yang sangat baik, kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mempertimbangkan permohonan syarikat tersebut untuk mendapatkan kawasan tambahan (*expansion*). Di bawah Program Expansion Pertanian, syarikat ini telah mengusahakan keluasan 20 hektar dengan

membina sebanyak lapan buah rumah terlindung. Setiap sebuah rumah terlindung mampu mengeluarkan hasil sebanyak 10,000 sehingga 11,000 biji buah Musk Melon. Program Projek Rintis dan Program Expansion yang diperkenalkan oleh kerajaan dan mendukung syarikat berkenaan dan mencapai kemajuan pada masa ini.

Pengeluaran

Menurutnya, syarikat ini menghasilkan pengeluaran ladangnya sebanyak 400 kilogram iaitu sekitar BND2,000 pada tahun 2018 dan pada tahun 2019 adalah sebanyak 25,000kg iaitu bernilai sekitar BND190 ribu.

Pada tahun 2019, nilai dalam pasaran tempatan 7,000kg, iaitu sekitar BND50 ribu manakala pasaran luar 18,000kg bernilai BND140 ribu.

Sementara itu, syarikat telah mengambil pekerja seramai 37 orang termasuk lapan pekerja tempatan.

Pada bulan Disember 2019 yang lalu, satu Majlis Penandatanganan Protokol Mengenai Keperluan Fitosanitasi Untuk Pengeksportan Melon Segar dari Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China antara pihak Pentadbiran Kastam Republik Rakyat China dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah diadakan, iaitu Protokol bagi buah Musk Melon untuk tujuan eksport ke Republik Rakyat China.

Dengan adanya kebenaran dan penerimaan dari Republik Rakyat China untuk Negara Brunei Darussalam mengeksport buah Musk Melon, ia akan membolehkan Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. untuk meluaskan lagi pasaran eksport Musk Melon ke Republik Rakyat China yang dijangka akan mula dieksport pada tahun ini. Menjelang tahun 2023,

syarikat ini dijangka akan mampu meningkatkan pengeluaran kepada 1,500 tan metrik yang dianggarkan bernilai lebih BND11.4 juta setiap tahun. Ini setentunya akan dapat memberikan impak positif serta signifikan kepada peningkatan keluaran industri buah-buahan di negara ini.

Dalam usaha pihak kerajaan untuk terus menggiatkan lagi pengeluaran dalam bidang pertanian, selain penyediaan tapak-tapak pertanian, beberapa jenis insentif juga turut ditawarkan.

Dalam hubungan ini, KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga menyediakan infrastruktur seperti bekalan elektrik dan jalan ladang, perkhidmatan makmal untuk kesesuaian tanah dan air, di samping khidmat nasihat mengenai pembajaan. Syarikat ini juga telah diberikan pengiktirafan piawaian Brunei Good Agricultural Practices (BGAP) oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Bagi memastikan program kawalan dan pemantauan keselamatan tanaman untuk dijalankan secara berterusan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga mengadakan program dukungan dan bantuan kepada pengusaha pengeluar buah Musk Melon dari segi pemantauan oleh Crop Protection Division (CPD) bagi pemantauan dan keselamatan dan meneliti Maximum Residue Level (MRL) dan standard Good Agriculture Practise (GAP) yang diguna pakai dan diperlukan oleh negara-negara pengimpor.

Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. juga telah menjalinkan kerjasama dengan

Universiti Teknologi Brunei (UTB), melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman pada 13 Januari 2020, di mana Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. dan UTB akan bekerjasama dalam melakukan penyelidikan, pembangunan dan program latihan khusus.

Melalui penandatanganan ini, Syarikat Gropoint Sdn. Bhd. dan UTB merancang kerjasama untuk membuat lebih banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya dalam bidang pemasaran; kajian lepas tuai (*post harvest studies*); penyakit dan pengurusan perosak serta pembangunan produk makanan pada masa hadapan. Pihak syarikat juga akan menyediakan peluang penempatan kerja bagi para pelajar dan kakitangan universiti. Usaha ini akan dapat membantu dalam memperkembangkan industri pertanian di negara ini secara umum.

Cabarang Potensi Serta Harapan

KSSUP, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sentiasa mengalui-alukan dan secara berterusan memberikan galakan, bimbingan dan dukungan dalam menjayakan aktiviti pertanian di negara ini, khususnya golongan belia, bagi menceburkan diri dalam bidang pertanian dan seterusnya membantu negara dalam meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar. Orang ramai yang ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian bolehlah menghubungi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menerusi talian 2388048 atau melalui e-mel info@agriculture.gov.bn.





AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli menyerahkan bendera negara kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie bin Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari

Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020 bagi Mukim Sengkurong berlangsung di Sekolah Rendah Awang Haji Muhammad Yusof (AHMY) Katimahar, pagi tadi.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arsyad hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut.

Pada upacara itu, Pemangku Ketua Kampung Katimahar, Awang Haji Bujang bin Haji Abd Ghani dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa Majlis Perundingan Kampung bagi Kampung Katimahar, Kampung Lugu dan Kawasan Perpindahan Lugu, buat pertama kalinya telah diberikan penghormatan bagi melaksanakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 bagi Mukim Sengkurong.

Beliau turut menyentuh mengenai dengan tema pada tahun ini iaitu 'Menjayakan Wawasan

Negara' dengan tujuan untuk sekadar mengingatkan bahawa kita semua memang mempunyai peranan dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035.

"Walau sekecil mana pun sumbangan kita dalam membantu menjayakan wawasan negara, ia adalah tetap penting dan bermakna sesuai dengan keupayaan kita. Begitu juga halnya dengan apa jua pekerjaan, perkara atau tindakan positif yang kita lakukan seperti menjadi ahli kepada MPK, bekerjasama dalam melakukan kerja-kerja gotong-royong, dan sebagainya," ujarnya.

Menurutnya, semua itu ada kaitan dengan usaha dalam menjayakan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035, secara langsung atau sebaliknya.

Beliau juga berharap pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkenaan akan dapat

meningkatkan rasa tanggungjawab, kerjasama, kemakmuran dan ikatan kekeluargaan di antara penduduk-penduduk kampung.

Majlis kemudian diteruskan dengan perarakan rombongan pembawa bendera negara oleh penuntut-penuntut Sekolah Rendah AHMY Katimahar dan ahli-ahli Pasukan Beruniform Sekolah Menengah Sayyidina Hussain untuk diserahkan kepada tetamu kehormat yang seterusnya menyerahkan kembali kepada seramai enam orang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaikkan.

Nyanyian Lagu Kebangsaan kemudian dimainkan dan laungan Allahu Akbar sebanyak tiga kali.

Majlis juga diserikan lagi dengan nyanyian lagu-lagu patriotik sambil mengibarkan bendera oleh para penuntut sekolah rendah.

MPM Tanah Jambu / Salar semarakkan Hari Kebangsaan

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

MUKIM MENTIRI, Isnin, 17 Februari. - Majlis Perundingan Mukim Tanah Jambu / Salar, Mukim Mentiri mengadakan Majlis Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di kawasan Perkarangan Gerai Pejabat Daerah Kampung Tanah Jambu, di sini, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh Ketua Imam Masjid Kampung Tanah Jambu, Muhammad Saifullah bin Rusli.

Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Haji Sarabani bin Haji Bakir kemudian menyerahkan bendera kebangsaan kepada tetamu kehormat.

Ini disusuli dengan penyerahan bendera oleh Yang



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud menyerahkan bendera besar negara untuk dinaikkan (atas). Sementara gambar kanan, upacara menaikkan bendera oleh pemangku-pemangku ketua kampung, diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Dimuliakan Pehin kepada pemangku-pemangku ketua kampung di bawah Mukim Mentiri. Majlis diteruskan dengan

upacara menaikkan bendera oleh pemangku-pemangku ketua kampung berkenaan, diiringi dengan Lagu Kebangsaan, Allah Peliharakan Sultan.



Negara Brunei Darussalam meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan setiap 23 Februari.

Sambutan Ulang Tahun Hari

Kebangsaan ini perlu dizahirkan melalui kemeriah dan suasana kibaran bendera negara oleh setiap rakyat dan penduduk di negara ini.



ALAI PINTAR

SOALAN 19 FEBRUARI 2020, RABU

Pilih jawapan yang betul bagi setiap soalan.

1. _____ ertinya bersuci selepas buang air besar dan air kecil.
a) Taharah
b) Hadas
c) Istinja'
2. Minta _____ kalau kita membuat salah.
a) maaf
b) minuman
c) makanan
3. Kita digalakkan untuk _____ sebelum mulakan sebarang pekerjaan.
a) berjalan
b) senyum
c) berdoa

TARIKH TUTUP : 2 Mac 2020.

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI BND38.00

PEMENANG ALAI PINTAR 019 :

Nama : Md Sahdatul Ashraf bin Md Sahrol Nizam
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0106337. Sekolah Rendah Lumapas

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam

- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn

4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 019

1. a) ayat perintah
2. a) tidak sampai hati / enggan melakukan sesuatu terhadap

Sukan

INFO SUKAN

MAJLIS Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak DPMM bersama Pemain-pemain dan Penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak SPL 2020, berlangsung di Hotel Centrepoint, Gadong pada 11 Februari 2020 yang diselajurkan dengan Majlis Pelancaran Jersi DPMM FC Musim 2020, iaitu Home and Away Jersey. DPMM FC akan menentang Tampines Rovers dalam perlawanan Community Shield 2020 pada 22 Februari 2020.



ePaper Pelita Brunei

KEMBARA 36 terapkan gaya hidup sihat



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan melepaskan KEMBARA 36 iaitu aktiviti riadah anjuran Alumni Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Bahagian Belia dan disokong oleh Bebuloh Native Camp (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - KEMBARA 36 adalah aktiviti riadah anjuran Alumni Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Bahagian Belia dan

disokong oleh Bebuloh Native Camp.

Acara diadakan kelmarin itu, bermula dari Pusat Belia dan berakhir di tempat yang sama di mana seramai 50 peserta menyertai aktiviti berjalan kaki

sejauh 36 kilometer.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi acara perlepasan, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Acara diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang bertujuan untuk melahirkan peserta yang sihat sama ada dari segi mental maupun fizikal.

Selain itu, aktiviti tersebut juga bertujuan untuk melahirkan rasa bersyukur menjadi belia di bumi yang bertuah ini dengan mengimbau kembali gaya hidup orang terdahulu tanpa kenderaan (berjalan kaki).

Para peserta KEMBARA 36 berjalan melalui Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Utama Berakas kemudian memasuki Lebuhraya

Muara-Tutong, memasuki Jalan Utama Tanah Jambu, Jalan Utama Salambigar, Jalan Utama Mentiri, Jalan Kebangsaan Lama dan menuju ke Jalan Tasek kemudian berakhir di Pusat Belia.

Dalam perjalanan dari Jalan Tasek menuju ke Pusat Belia, para peserta diiringi oleh para penunggang motor berkuasa tinggi dari Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA).



AWANG Mohammad Adi Salihin bin Roslan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Februari. - Atlet Wushu Negara, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan yang menerima Kemenangan Skim

Ganjaran yang diberikan menyuntik semangat kesukanan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) tertinggi menzhirkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas ganjaran yang diberikan tersebut.

Beliau yang ditemui Pelita Brunei sejurus selesai Majlis Penyampaian Ganjaran Kemenangan SPKS bagi Sukan SEA Ke-30, Republik Filipina menyatakan, dengan ganjaran

tersebut akan dapat menyuntik dan meningkatkan lagi semangatnya serta para atlet lain untuk terus mencapai ke tahap yang lebih baik dalam bidang kesukanan.

Mengimbas kembali kemenangannya pada Sukan SEA itu, Awang Mohammad Adi Salihin, berumur 19 tahun yang meraih pingat Emas dalam Acara Men's Nandao + Men's Nangun, menjelaskan bahawa ia merupakan penyertaannya yang kedua pada temasya sukan tersebut di mana yang terdahulu

ialah pada Sukan SEA di Kuala Lumpur pada tahun 2017.

“Walaupun gagal membuat yang terbaik semasa Sukan SEA di Kuala Lumpur, namun ia menjadi pendorong untuk saya berusaha dengan lebih kuat lagi. Setelah pulang dari Kuala Lumpur, saya terus mananam azam untuk meningkatkan lagi mutu persembahan dalam sukan Wushu ini. Sebelum menyertai Sukan SEA di Filipina, kami telah dihantar untuk menjalani latihan intensif selama sebulan di Republik Rakyat China di mana latihan diadakan setiap hari pada sebelah pagi dan petang,” ujarnya.

Harapan beliau seterusnya adalah untuk terus meningkatkan lagi latihan dan berhasrat untuk menyertai mana-mana pertandingan di luar negara. Menurutnya, ketika ini beliau juga sedang bersiap sedia untuk menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) yang dijangka akan diadakan pada bulan Julai tahun ini di Johor, Malaysia.

Beliau turut memberikan kata-kata semangat kepada rakan-rakan atlet yang lain agar tidak mudah putus asa dan sentiasa bersemangat kerana untuk meraih pingat adalah hasil usaha kerja keras dari para atlet sendiri dan bukannya dari orang lain.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'JADIKAN PENGIBARAN BENDERA SEBAGAI AMALAN DAN BUDAYA'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam